



PROSEDUR ORGANISASI DAN PERATURAN (POR)

pindaan pada 13 Disember 2025


KAWALAN DOKUMEN

Dokumen : Prosedur Organisasi dan Peraturan Persekutuan Pengakap Malaysia

Rujukan : PPM.100-2/1(002)/2025

Edisi : Pindaan 2025

Edaran Dokumen

Kelulusan:	Mesyuarat Luar Biasa	PPM.100-2/1(002)/2025	12.12.2025
	Mej. Jen. Prof. Dato' Dr. Mohd Zin bin Bidin	Ketua Pengakap Negara	
	Dato' Hj. Ahmad Shazilly bin Ismail Bakti	Timbalan Yang Dipertua Majlis Pengakap Negara	
	Dr. Mohammed Mukhyuddin bin Sarwani	Pemangku Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara	

ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN I	1
TUJUAN DAN DASAR	1
Tujuan	1
Dasar	1
Persetiaan Pengakap	1
Pemimpin Pengakap	2
Orang-Orang Lain	2
Undang-Undang Pengakap	2
Pengakap Kanak-Kanak	3
BAHAGIAN II	4
SEKSYEN I	4
PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA DAN PERTUBUHAN NEGARA	4
Tafsiran	4
Perlembagaan	4
Majlis Pengakap Negara	10
SEKSYEN II	19
MENJADI AHLI PERSEKUTUAN	19
Keahlian	19
Warganegara Asing	20
Penentuan	20
SEKSYEN III	20
DASAR AGAMA	20
Dasar Agama	20
SEKSYEN IV	21
PERBALAHAN POLITIK DAN PERINDUSTRIAN	21
Politik	21
Perbalahan Perindustrian	21
SEKSYEN V	22
DASAR KEWANGAN	22
Tujuan	22
Penerimaan Sumbangan	22
Anggaran Dan Peruntukan Tahunan	22
Menyemak Kira-Kira Negeri	23
Aset	23
Peyuran-Peyuran	23
Permohonan Bantuan Kewangan	23
Insurans	23

Kumpulan Wang Cadangan Khas.....	24
SEKSYEN VI.....	24
HUBUNGAN LUAR DAN ANTARABANGSA.....	24
Jabatan Kerajaan	24
Perhubungan Dengan Pertubuhan Lain	24
Pergabungan Dengan Biro Sedunia	24
Kenyataan Di Akhbar, Siaran Radio, Televisyen Dan Pembuatan Filem Dan Penerbitan.....	25
SEKSYEN VII.....	25
PERATURAN-PERATURAN AM.....	25
Pentadbiran Persekutuan	25
Pangkat.....	25
Saluran Perhubungan.....	25
Raja-Raja dan Jabatan-Jabatan Kerajaan	26
Perkara-Perkara Negeri.....	26
TAULIAH, SIJIL PERAKUAN DAN SURAT PERLANTIKAN.....	26
Tauliah, Sijil Perakuan Dan Surat Pelantikan	26
PENDAFTARAN SEMULA TAHUNAN DAN BANCING.....	26
Tarikh Bancing	26
Borang Dan Arahan.....	26
Tarikh Akhir Bagi Menghantar Penyata-Penyata	27
Kegagalan Mendaftar Semula	27
PINDAAN KEPADA PERATURAN	27
BAHAGIAN III.....	28
PANGKAT DAN Tauliah.....	28
Pangkat Bertauliah	28
Sijil Pelantikan	28
Wanita-Wanita.....	29
Tauliah-Tauliah Tambahan.....	29
Had Umur.....	29
SAHGUNA Tauliah	29
Lingkungan Sah guna.....	29
Tempoh.....	30
Tauliah-Tauliah Yang Dikeluarkan Sebelum Ogos 1957.....	30
PENCALONAN Tauliah BAGI PESURUHHJAYA	30
Pencalonan Tauliah Bagi Pesuruhjaya	30
Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Lain.....	30
Tanggungjawab Semua Pesuruhjaya	30
PENCALONAN BAGI PEMIMPIN DALAM KUMPULAN.....	31

Pencalonan Bagi Pemimpin Dalam Kumpulan	31
Pencalonan Kumpulan Terbuka	31
Pencalonan Kumpulan Dianjur	31
Pencalonan - Makluman Kepada Pesuruhjaya Daerah.....	31
Tempoh Percubaan Bagi Pemimpin Dalam Kumpulan	31
Tugas Majlis Pengakap Daerah.....	32
Persetujuan Pemimpin Kumpulan	34
Kerja Pesuruhjaya Daerah	34
Pengawasan Khas	34
Borang PPM-4A	34
Penolakan	34
Pembatalan	34
Kumpulan-Kumpulan Yang Dianjur.....	35
Pengembalian Kepada Pemegang	35
PENGGANTUNGAN	35
Kuasa Penggantungan	35
Akibat Penggantungan	36
Laporan Atas Penggantungan	36
Penyiasatan	36
Pemberhentian	36
PEMULANGAN TAULIAH	37
Pemulangan Tauliah Kepunyaan Ibu Pejabat Persekutuan	37
Peringkat Negara	37
Peringkat Negeri Dan Daerah - Peraturan	37
Laporan Oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri	37
Laporan Oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerah	37
Perselisihan Di Antara Majlis Pengakap Daerah Dan Pesuruhjaya Pengakap Daerah	37
PERTUKARAN DAN PERUBAHAN JAWATAN	38
Perubahan Jawatan	38
Pertukaran.....	38
BAHAGIAN IV	39
PERTUBUHAN NEGERI	39
Negeri Pengakap.....	39
Undang-Undang Kecil	39
YANG DI PERTUA MAJLIS PENGAKAP NEGERI.....	39
Yang Dipertua - Pelantikan.....	39
Pangkat Yang Dipertua Majlis Pengakap Negeri	39
Tugas-Tugas	39

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	39
KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI	40
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri - Pelantikan	40
Tugas	40
Kekosongan	41
Pakaian seragam Dan Lencana-Lencana	41
TIMBALAN DAN PENOLONG KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI, BAHAGIAN ATAU WILAYAH, KAWASAN DAN DAERAH.....	41
Pelantikan	41
Tugas-Tugas	41
Pesuruhjaya Kawasan – Pelantikan	41
Tugas-tugas	41
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	42
TIMBALAN-TIMBALAN KETUA KEM DAN KETUA-KETUA AKELA	42
Timbalan Ketua Kem, Ketua Akela, Penolong	42
Pesuruhjaya Latihan Negeri	42
Pelantikan	42
Ibu Pejabat PBBPM - Sijil Kehormat.....	42
Tugas-Tugas	42
Pakaian Seragam Dan lencana-Lencana	42
MAJLIS PENGAKAP NEGERI	43
Majlis Pengakap Negeri.....	43
Undang-Undang Kecil	43
Tugas	43
PERLANTIKAN ANGGOTA.....	43
Pengerusi.....	43
Bendahari.....	44
Tugas	44
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	44
Tugas	44
Jawatan Bergaji.....	45
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	45
PERSELISIHAN DI ANTARA KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI DENGAN MAJLIS PENGAKAP NEGERI	45
Perselisihan.....	45
BAHAGIAN V	46
PERTUBUHAN BAHAGIAN ATAU WILAYAH DAN DAERAH	46
Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah Pengakap - Rancangan Am	46
Keluasan Dan Sempadan.....	46

Perselisihan atau Krisis	46
PESURUHJAYA PENGAKAP BAHAGIAN ATAU WILAYAH, KAWASAN DAN DAERAH	46
Pelantikan	46
Tugas	46
Kekosongan Jawatan	48
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	48
PENOLONG PESURUHJAYA DAERAH	48
Penolong Pesuruhjaya Daerah - Perlantikan	48
Tugas	48
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	49
MAJLIS PENGAKAP BAHAGIAN ATAU WILAYAH DAN DAERAH	49
Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah - Kawasan.....	49
Pendaftaran.....	49
Pembatalan	49
Penggantungan	50
Keahlian	50
Yang Dipertua	50
Tugas	50
Keahlian Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah.....	50
Tugas	50
Mesyuarat Tahunan	51
Pengerusi.....	51
Bendahari.....	52
Setiausaha	52
Majlis Eksekutif Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah	52
Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil	53
Jawatankuasa Pengakap Laut.....	53
Kerja-Kerja Jawatankuasa Pengakap Laut	53
Peraturan-Peraturan Tempatan	53
Sijil-Sijil Bot	53
Sijil Penjaga	53
Pengesahan	53
Pendaftaran.....	53
UNDANG-UNDANG KECIL MAJLIS PENGAKAP BAHAGIAN ATAU WILAYAH DAN DAERAH	54
Contoh Undang-Undang Kecil	54
Kewangan	54
Harta	54
Kekosongan	55

Pangkat-Pangkat Yang Tidak Bertauliah	55
Pelantikan	55
Kelayakan-Kelayakan.....	56
Jurulatih	56
Penguji	56
Pengerusi, Bendahari Dan Setiausaha	57
Pakaian Seragam dan Lencana-Lencana	57
PANGKAT-PANGKAT KEHORMAT	57
Pangkat-Pangkat Kehormat - Pelantikan Dan Lain-Lain	57
Pembaharuan.....	57
Pakaian Seragam dan Lencana-Lencana	57
BAHAGIAN VI	58
PERTUBUHAN KUMPULAN	58
Rancangan Am.....	58
PEMIMPIN KUMPULAN	58
Pemimpin Kumpulan	58
Wanita-Wanita.....	58
Kelayakan-Kelayakan.....	59
Tugas-Tugas	59
KUMPULAN PENGAKAP.....	59
Kandungan Dalam Kumpulan.....	59
Penubuhan.....	60
Pendaftaran.....	60
Pendaftaran Kumpulan-Kumpulan Yang Dianjur	60
Kuasa Pengajur.....	60
Akibat Pendaftaran	61
Peraturan Pendaftaran	61
Pembaharuan Pendaftaran	62
Bayaran Pendaftaran Dan Lain-Lain.....	63
Perubahan-Perubahan Pendaftaran Dan Pertukaran-Pertukaran.....	63
Pembatalan Pendaftaran.....	63
Penggantungan Pendaftaran.....	63
Pendaftaran Kumpulan Terbuka	64
Pendaftaran Unit	64
Pendaftaran - Laporan Kepada Ibu Pejabat Persekutuan.....	65
Keahlian	65
Pertukaran.....	65
Pengakap Berseorangan.....	65
Majlis Kumpulan	66

Jawatankuasa Kumpulan	66
Aset Kumpulan	66
Kewangan Kumpulan	67
Kumpulan-Kumpulan Sekolah	67
PEMIMPIN PENGAKAP KANAK-KANAK DAN PENOLONG PEMIMPIN PENGAKAP KANAK-KANAK.....	68
Pelantikan Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak dan Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak.....	68
Kelayakan	68
Tugas-Tugas	68
Keperluan Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak	68
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	68
PASUKAN (PEK)	68
Bilangan Dalam Pasukan	68
Latihan	69
Enam Sekawan	69
Ketua Dan Ketua Kanan Enam Sekawan	69
Penolong Ketua Enam Sekawan	69
Majlis Ketua Enam Sekawan	69
Jurulatih Pengakap Kanak-Kanak.....	70
PENGAKAP KANAK-KANAK	70
Pelantikan Pengakap Kanak-Kanak	70
Had Umur.....	70
Kelayakan-Kelayakan.....	70
Latihan Peningkatan.....	70
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	70
PEMIMPIN PENGAKAP MUDA DAN PENOLONG PEMIMPIN PENGAKAP MUDA	71
Pemimpin Pengakap Muda Dan Penolong Pemimpin Pengakap Muda - Pelantikan	71
Wanita-Wanita.....	71
Kelayakan	71
Tugas	71
Keperluan Penolong Pemimpin Pengakap Muda.....	71
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	71
PASUKAN (TROOP).....	72
Saiz Pasukan	72
Ketua Pasukan	72
Majlis Ketua-Ketua Patrol	72
PATROL.....	72
Patrol.....	72

PENGAKAP	73
Pengkakap Muda - Pelantikan.....	73
Had Umur.....	73
Kelayakan	74
Latihan Lanjutan.....	74
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	75
PEMIMPIN PENGAKAP (REMAJA) DAN PENOLONG PEMIMPIN PENGAKAP (REMAJA).....	75
Pelantikan	75
Wanita-Wanita.....	75
Kelayakan	75
Tugas	75
Keperluan Adanya Penolong Pemimpin Pengakap (Remaja).....	75
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	76
PASUKAN REMAJA.....	76
Syarat-Syarat Penubuhannya.....	76
Ketua Pasukan (Remaja)	76
Patrol.....	76
Ketua Patrol (Remaja).....	77
Penolong Ketua Patrol (Remaja)	77
Majlis Ketua-Ketua Patrol	77
PENGAKAP REMAJA	77
Pelantikan	77
Umur	77
Kelayakan	78
Latihan Lanjutan.....	78
Perjumpaan-Perjumpaan Bersama.....	78
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	78
PEMIMPIN PENGAKAP KELANA DAN PENOLONG PEMIMPIN PENGAKAP KELANA.....	79
Pelantikan	79
Wanita-Wanita.....	79
Kelayakan	79
Tugas	79
Pemakaian Gelaran.....	79
Pakaian Seragam dan Lencana-Lencana.....	79
PASUKAN (CREW).....	80
Pasukan - Tujuan-Tujuan	80
Syarat-Syarat Penubuhan	80

Perjumpaan-Perjumpaan Bersama.....	80
Peringkat-Peringkat.....	80
Kegiatan-Kegiatan.....	80
Majlis Pasukan dan Pentadbiran Dalam	81
Pemimpin-Pemimpin Sebagai Ahli.....	81
Berhenti Daripada Menjadi Ahli	81
BAKAL KELANA (ROVER SQUIRE)	81
Bakal Kelana Syarat-Syarat Keahlian.....	81
Latihan Sebagai Bakal Kelana.....	81
Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana	82
PENGAKAP KELANA	82
Pengakap Kelana - Pelantikan	82
Latihan Praktik.....	83
PASUKAN PENGAKAP KELANA KANAN	83
Peringkat Berkhidmat	83
Pemimpin Pengakap Kelana Kanan	83
Pengakap Kelana Kanan.....	83
BAHAGIAN VII	84
PAKAIAN SERAGAM DAN LENCANA PANGKAT PAKAIAN SERAGAM	84
Pakaian Seragam.....	84
Rupa bentuk dan Corak.....	84
Warna	84
ISTIADAT-ISTIADAT RASMI DAN LAIN-LAIN	85
Perkemahan, Kursus Dan Lain-Lain	85
Pakaian Seragam Bagi Pemimpin Dan Pesuruhjaya	85
Pakaian Seragam Bagi Pesuruhjaya Kehormat, Penaung Dan Penaung Utama ..	85
Pakaian Di Kepala	85
Tanda-Tanda Peringkat Kebangsaan, Negeri Dan Daerah.....	86
Tanda-Tanda Pangkat Pada Songkok Melayu	86
Jalur dan 'Plume' Bagi Pesuruhjaya Kehormat.....	87
Sekap, Tali Leher dan Ribbon	87
Kemeja, Baju Wanita dan Jaket.....	87
Seluar dan Kain Wanita.....	88
Tali Pinggang	89
Sarung Kaki.....	89
Kasut.....	90
LENCANA PANGKAT	90
Lencana-Lencana.....	90
Bagaimana Mendapatkannya	90

Pemakaian Lencana-Lencana	90
Lencana Pangkat Pemimpin.....	90
Lencana Pangkat Pesuruhjaya Dan Pesuruhjaya Kehormat	91
Pengakap Kanak-Kanak.....	91
Gelaran Enam Sekawan.....	91
Pengakap	91
Gelaran Patrol	91
Pengakap Putera.....	92
Gelaran Patrol	92
'Strap' Bahu.....	92
Pengakap Kelana	92
Gelaran	92
Lencana-Lencana Khas.....	92
BAHAGIAN VIII	93
BINTANG, PINGAT DAN SIJIL PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA	93
Bintang, Pingat Dan Sijil Yang Diluluskan.....	93
BINTANG KHIDMAT LAMA.....	93
Bintang Khidmat Lama – Rupa bentuk	93
Pengakap	93
Perkhidmatan Sebagai Pengakap Kanak-Kanak	93
Perkhidmatan Sebagai Pengakap Kanak-Kanak, Pengakap dan Pengakap Kanan	94
Pemimpin dan Lain-Lain Orang	94
Hitungan.....	94
MANIKAYU	94
Manikayu - Syarat Memberinya	94
Rupa bentuk.....	94
LENCANA TERIMA KASIH	95
Lencana Terima Kasih – Rupa bentuk.....	95
Peluang Mendapatnya.....	95
Akibat	95
Cara Memakai	95
TANDA PERKHIDMATAN LAMA.....	96
Tanda Perkhidmatan Lama	96
Cara Memakai	96
ANUGERAH KEBERANIAN	96
Anugerah Keberanian.....	96
Peringkat.....	96
Cara Memakai	96

Tanda Kain.....	97
ANUGERAH PEKERTI BAIK.....	97
Anugerah Pekerti Baik - Permohonan Dan Pengeluaran	97
Cara Memakai	97
Tanda Kain.....	97
ANUGERAH PERKHIDMATAN BAIK.....	97
Anugerah Perkhidmatan Baik - Permohonan Dan Pengeluaran	97
Peringkat.....	98
Cara Memakai	98
PINGAT SEMANGAT PADI DAN SEMANGAT RIMBA	98
Cara Memakai	98
Semangat Rimba.....	98
Tanda Kain.....	98
BAHAGIAN IX	99
Seksyen I	99
LATIHAN PEMIMPIN	99
Dasar Latihan	99
Matlamat	99
Skim Latihan	99
Bahan Rujukan.....	100
Latihan Lanjutan.....	100
Pasukan-Pasukan Latihan.....	100
Seksyen II	101
SKIM LATIHAN BAGI PENGAKAP	101
Skim Latihan	101
Ujian-Ujian.....	101
BAHAGIAN X	101
AM	101
Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian.....	101
Pakaian	101
Aktiviti Air	101
Berkhemah.....	102
Mengembara	102
Lawatan Ke Negara Asing	102
Berlakon	102

BAHAGIAN I

TUJUAN DAN DASAR

Tujuan

1. (a) Tujuan Persekutuan ini ialah bagi membentuk kanak-kanak menjadi rakyat yang baik dengan membentuk sifat perangnya - melatih tabiatnya supaya biasa tajam pemerhatiannya, menurut perintah dan percayakan kebolehan dirinya - menanamkan semangat taat setia dan prihatin terhadap orang lain - mengajar mereka berkhidmat dan berguna kepada orang ramai, dan membuat sendiri benda-benda yang berguna bagi dirinya - memajukan kesihatan tubuhnya, fikirannya dan semangatnya terhadap agama.

(b) Cara latihan yang tertentu bagi Pengakap ialah dengan penerimaannya sebagai ahli kepada sesuatu persaudaraan yang disukainya, dipandu oleh pemimpin dewasa, yang beransur-ansur dikelolakan sendiri dalam kumpulan-kumpulan lingkungan umur yang bertingkat-tingkat seterusnya; dengan membukakan kepadanya berturut-turut aktiviti dan kejayaan-kejayaan yang sesama disukai di luar dan peluang-peluang berkhidmat kepada orang lain, dengan memberikan kepadanya beransur-ansur tanggungjawab yang bertambah untuk dirinya dan orang-orang lain, supaya dia mempunyai kelayakan, berdikari, perangai baik, boleh diharap dan kuasa bekerjasama dan kepimpinan.

Dasar

2. Dasar dan amalan Persekutuan ini adalah berdasarkan Undang-Undang Pengakap dan Persetiaan Pengakap. Bahasa rasmi Persetiaan Pengakap dan Undang-Undang Pengakap adalah bahasa Malaysia. Dalam keadaan tertentu, Persetiaan dan Undang-Undang boleh menggunakan bahasa Inggeris.

Persetiaan Pengakap

3. Waktu dilantik, ahli Pengakap melafazkan Persetiaan seperti berikut:-

Bahawa dengan sesungguhnya, saya berjanji dan bersetia, yang saya dengan seberapa daya upaya saya, akan:-

Taat kepada Tuhan, Raja dan Negara,
Menolong orang pada setiap masa,
Menurut Undang-Undang Pengakap.

Dalam bahasa Inggeris:

On my honour, I promise that I will do my best:-

To do my duty to God, King and Country,
To help other people at all times,
To obey the Scouts' Law.

Pemimpin Pengakap

4. Pemimpin Pengakap yang menerima tauliah hendaklah mengulangi lafaz Persetiaan Pengakap seperti dalam Peraturan 3.

Orang-Orang Lain

5. (Disimpan)

Undang-Undang Pengakap

6. Undang-Undang Pengakap adalah seperti berikut:-
 1. Pengakap adalah seorang yang sentiasa dipercayai maruah dan kehormatan dirinya.
 2. Pengakap adalah seorang yang taat setia kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-Raja, Pemimpin-Pemimpin Pengakapnya, ibu bapanya, majikannya serta orang-orang di bawahnya.
 3. Pengakap adalah wajib menjadikan dirinya berguna dan menolong orang pada setiap masa.
 4. Pengakap adalah sahabat kepada sekalian orang dan saudara kepada lain-lain Pengakap walau apa pun negara, negeri, bangsa, pangkat dan agamanya.
 5. Pengakap adalah seorang yang baik dan sempurna budi pekertinya.
 6. Pengakap adalah baik dan kasih kepada haiwan.
 7. Pengakap adalah seorang yang sentiasa menurut perintah dan suruhan ibu bapanya, Ketua Patrolnya, atau Pemimpin-Pemimpin Pengakapnya tanpa persoalan.
 8. Pengakap adalah seorang yang sentiasa sabar dan sentiasa senyum walaupun semasa kesusahan.
 9. Pengakap sentiasa berjimat dan cermat.
 10. Pengakap adalah bersih dan suci fikirannya, perkataannya dan perbuatannya.

Dalam bahasa Inggeris - The Scouts' Law.

1. A Scout's honour is to be trusted.
2. A Scout is loyal to the Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong, the Rulers, and to his Scouters, his parents, his employers and to those under him.
3. A Scout's duty is to be useful and to help others.
4. A Scout is a friend to all, and a brother to every other Scout, no matter to what country, class or creed the other may belong.
5. A Scout is courteous.
6. A Scout is a friend to animals.
7. A Scout obeys others of his parents, Patrol Leader or Scoutmaster, without question.
8. A Scout smiles and whistles under all difficulties.
9. A Scout is thrifty.
10. A Scout is clean in thought, word and deed.

Pengakap Kanak-Kanak

7. (Disimpan)
 1. (Disimpan)
 2. (Disimpan)
 1. (Disimpan)
 2. (Disimpan)
8. (Disimpan)
9. (Disimpan)

BAHAGIAN II

SEKSYEN I

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN PENGAKAP-PENGAKAP MALAYSIA DAN PERTUBUHAN NEGARA

Tafsiran

10. Dalam Peraturan-Peraturan ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:-

“Persekutuan” ertinya Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia.

“Majlis Pengakap” ertinya Majlis Pengakap Negara, Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia.

“Persekutuan Pengakap Malaysia (PPM) ertinya Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia yang diperbadankan di bawah Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968.

“Undang-Undang Kecil” ertinya Prosedur, Organisasi dan Peraturan (*Procedure, Organization and Rules – POR*) bagi sesebuah Negeri, Bahagian, Wilayah atau Daerah.

“Peraturan Khusus” ertinya sesuatu peraturan yang dibuat khusus mengenai sesuatu perkara seperti latihan, lencana, pakaian seragam dan lain-lain.

Perlembagaan

11. Persekutuan Budak-Budak Pengakap Malaysia adalah ditubuhkan mengandungi seperti berikut:-

- (1) **PENAUNG UTAMA:** Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah Penaung Utama.
- (2) **PENAUNG-PENAUNG:** Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Negeri Melayu dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di Pertua Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak ialah Penaung-Penaung.
 - (a) Penaung Utama boleh melantik seorang Ketua Pengakap bagi tiap-tiap sebuah Negeri Sarawak dan Sabah. Kiranya pelantikan itu terjatuh kepada Ketua Negeri masing-masing maka dia boleh juga dilantik sebagai Penaung dan dia akan mengambil tempat utama kepada Ketua Pengakap Negara di semua majlis.

- (b) Presiden Agung ialah YAB Perdana Menteri Malaysia.
 - (c) Presiden Agung Kehormat adalah bekas Perdana Menteri.
 - (d) Presiden adalah YB Menteri-Menteri yang bertanggungjawab kepada negeri wilayah-wilayah persekutuan, negeri Majlis Pengakap Kumpulan Latihan Malaysia (MPKLM) dan negeri Kelanasiswa Malaysia (KSM).
 - (e) Presiden Kehormat Negara ialah bekas Ketua Pengakap Negara.
 - (f) Pesuruhjaya Kehormat Negara ialah bekas Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
 - (g) Pelantikan bagi Peraturan 11(2)(e) dan (f) hendaklah disahkan oleh Majlis Pengakap Negara
- (3) **KETUA PENGAKAP NEGARA:** Maka hendaklah ada seorang Ketua Pengakap Negara bagi Malaysia daripada warganegara Malaysia dilantik oleh Penaung Utama dan Penaung-Penaung Persekutuan bagi memegang jawatan tersebut untuk selama lima tahun, selepas itu jawatan itu akan jatuh kosong dan seorang Ketua Pengakap Negara yang baru hendaklah dilantik; asalkan orang yang memegang jawatan Ketua Pengakap Negara pada hari Peraturan-Peraturan ini diterima oleh Majlis Pengakap hendaklah meneruskan perkhidmatannya sehingga tempoh jawatannya sekarang itu tamat dan akan menjalankan segala kuatkuasa, hak dan tanggungjawab yang diberi di bawah Peraturan-Peraturan ini. Pemegang jawatan itu boleh dilantik semula sebagai Ketua Pengakap Negara. Tauliah bagi pelantikan Ketua Pengakap Negara hendaklah ditandatangani oleh Penaung Utama dan Penaung-Penaung dan dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Persekutuan ini.

Tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab Ketua Pengakap Negara adalah seperti berikut:-

- (a) Memelihara dan menggalakkan Persekutuan ini mengikut Tujuan dan Dasar Persekutuan dan kehendak tertentu dalam Persidangan Pengakap Sedunia.
- (b) Mempengerusi mesyuarat-mesyuarat Majlis Pengakap Negara, Majlis Eksekutif Pengakap Negara dan Jawatankuasanya.
- (c) Melantik, mengikut Peraturan-Peraturan ini, seorang Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Timbalan-Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, seorang Pesuruhjaya Antarabangsa, seorang Pesuruhjaya Latihan Negara, seorang Pesuruhjaya Program Negara, dan Penolong-Penolong Pesuruhjaya Antarabangsa.
- (d) Menandatangani Tauliah bagi semua Pesuruhjaya dan Pemimpin-Pemimpin Pengakap di Malaysia.

- (e) Melantik Yang di Pertua Majlis-Majlis Pengakap Negeri dan Daerah. Perlantikan itu adalah untuk dua tahun sahaja bagi tiap-tiap seorang mulai daripada tarikh perlantikan itu dan mereka boleh dilantik semula.
- (f) Menandatangani Sijil Perakuan bagi ahli yang tidak Bertauliah sebagai anggota Majlis Pengakap, Majlis Pengakap Negeri dan Daerah yang dipilih.
- (g) Mengambil tindakan di atas sebarang perkara lain dalam Peraturan-Peraturan ini atas nasihat Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau Majlis Pengakap atau kedua-duanya.
- (h) Berunding dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau Majlis Pengakap atau kedua-duanya, mengenai dasar-dasar Antarabangsa dan aktiviti-aktiviti Persekutuan.
- (4) **KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGARA:** Maka hendaklah ada seorang Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara bagi Malaysia daripada warganegara Malaysia dilantik oleh Ketua Pengakap Negara. Keutamaan hendaklah diberi kepada seorang yang sebelum daripada pelantikannya itu telah memegang tauliah selama tidak kurang daripada 10 tahun; dan seterusnya memegang Sijil Tugas Kehormat Antarabangsa dan telah berumur 40 tahun ke atas. Tempoh pelantikan ini adalah selama lima tahun dan boleh dilantik semula. Tauliah bagi pelantikan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengakap Negara. Sekiranya tidak ada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara pada sebarang masa, atau dalam tempoh ketiadaan atau keuzuran Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dalam menjalankan tanggungjawabnya, Ketua Pengakap Negara hendaklah melantik seorang daripada Timbalan-Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara bagi memangku jawatan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

Tugas-tugas dan tanggungjawab Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara adalah seperti berikut, melainkan dalam perkara-perkara yang bersangkutan-paut dengan dasar-dasar Antarabangsa dan Am, dan aktiviti-aktiviti Persekutuan yang mana dia hendaklah bertindak dengan persetujuan Ketua Pengakap Negara:-

- (a) Mengelola latihan bagi semua ahli Pengakap dan Pemimpin-Pemimpin melalui Pesuruhjaya Latihan Negara bersama-sama dengan Pasukan Latihan Antarabangsa dan Kebangsaan dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri.
- (b) (Disimpan)
- (c) Menentukan perlaksanaan peruntukan-peruntukan dalam Akta (Perbadanan) Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia, 1968 dan Pindaan-Pindaannya dan Peraturan-Peraturan ini. Di dalam sebarang pertelingkahan, dia hendaklah mendapatkan nasihat Ketua Pengakap Negara.
- (d) (Disimpan)

- (e) Menyelesaikan segala perbalahan yang dirujuk oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri mengikut peraturan-peraturan ini.
- (f) Memelihara perhubungan persahabatan dan kerjasama dengan semua Persekutuan Pengakap Negara lain yang diakui oleh Persidangan Pengakap Sedunia melalui Pesuruhjaya Antarabangsa.
- (g) Mempersetujui kandungan semua penerbitan yang dikeluarkan atau diterbitkan atas nama Persekutuan.
- (h) (Disimpan)
- (h)(i) Menubuhkan Majlis Pesuruhjaya Pengakap Negara yang ahli-ahlinya terdiri daripada Timbalan-Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan Ketua-Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dan seorang Setiausaha Majlis yang dilantik oleh majlis.

Dan tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab yang berikut yang dijalankan bersama dan dengan persetujuan Majlis Pengakap Negara:-

- (i) (Disimpan)
- (j) Menjalankan tugas-tugas dan kuasa-kuasa Perbadanan yang dikuatkuasakan dalam Akta (Perbadanan) Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia, 1968.
- (k) Melantik, menyelia dan dengan bijaksana mereka menamatkan atau menggantung perkhidmatan pekerja-pekerja Persekutuan yang mereka fikir patut, dan menentukan tugas dan tanggungjawab serta menetapkan gaji, emolumen dan syarat-syarat perkhidmatan bagi setiap jawatan.
- (l) Menguruskan sebarang perbalahan mengenai status keahlian dalam Persekutuan, asalkan mengikut syarat yang ada dalam Peraturan ini.
- (m) Memberi kuasa pendaftaran oleh Ibu Pejabat Persekutuan kepada Majlis Pengakap Daerah dan menentukan kawasan bagi Majlis Pengakap Daerah dan memansuhkan Majlis Pengakap Daerah itu daripada pendaftaran.
- (n) Memberi kuasa pendaftaran oleh Ibu Pejabat Persekutuan kepada semua Kumpulan Pengakap dan memansuhkan Kumpulan itu daripada pendaftaran.
- (o) (Disimpan)
- (p) Mengadakan Ibu Pejabat dan Pekerja yang cukup bagi menjalankan pentadbiran dan tugas-tugas yang dikuasakan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan Majlis Pengakap Negara serta Majlis Eksekutif Pengakap Negara dan Jawatankuasanya.

- (q) Menyelaras, menggalakkan dan memberi sokongan kepada semua Majlis Pengakap Negeri dan Majlis Pengakap Daerah bagi melaksanakan tujuan-tujuan Persekutuan di dalam dan di luar Persekutuan. Sekiranya perlu, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara boleh mewakilkan tugas-tugasnya kepada Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan Ketua Pesuruhjaya Negeri.
- (r) Menjalankan tugas-tugas Ketua Pengakap Negara dalam tempoh ketiadaan atau keuzurannya.
- (5) Timbalan-Timbalan dan Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara: Maka hendaklah diadakan tidak lebih daripada tiga orang Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan beberapa orang Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara yang fikirkan perlu dari semasa ke semasa, dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atas cadangan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara mengikut tugas-tugas yang ditentukan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara. Tauliah bagi Timbalan-Timbalan dan Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengakap Negara.
- (6) Pesuruhjaya Antarabangsa: Maka hendaklah diadakan seorang Pesuruhjaya Antarabangsa daripada seorang warganegara Malaysia dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atas cadangan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara. Tauliah Pesuruhjaya Antarabangsa hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengakap Negara. Ibu Pejabat Persekutuan hendaklah memaklumkan nama orang yang dilantik itu kepada Biro Pengakap Sedunia.

Tugas-tugas Pesuruhjaya Antarabangsa adalah seperti berikut:-

- (a) Mewakili Persekutuan dan hak-haknya dalam hal ehwal Antarabangsa.
- (b) Bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan Majlis Pengakap Negara mengenai perhubungan Persekutuan dengan Persekutuan Pengakap Negara lain yang menjadi ahli kepada Persidangan Pengakap Sedunia.
- (c) Bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara berkenaan dengan perhubungan dengan Biro Pengakap Sedunia dan Pejabat Wilayahnya yang berkenaan.
- (7) Pesuruhjaya Latihan Negara: Maka hendaklah ada seorang Pesuruhjaya Latihan Negara daripada seorang warganegara Malaysia dan dia adalah dikalangan ahli Pasukan Latihan Antarabangsa, dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atas cadangan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara. Sijil Tugas Kehormat Pesuruhjaya Latihan Negara dikeluarkan oleh Biro Pengakap Sedunia dan ditandatangani timbal oleh Ketua Pengakap Negara.

Tugas-tugas Pesuruhjaya Latihan Negara adalah seperti berikut:-

- (a) Bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atas pengelolaan semua latihan bagi Pemimpin mengikut cara-cara yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Pasukan Latihan Antarabangsa.
- (b) Memperakui dengan persetujuan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara di atas perlantikan Setiausaha Pasukan Latihan Negara, ahli-ahli Pasukan Latihan Antarabangsa dan Kebangsaan.
- (c) Menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pasukan Latihan Negara dan Ketua Pasukan Latihan Negara.
- (d) Bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan bertindak melalui penguasa yang sesuai bagi:-
 - (i) Menetapkan adanya tempat-tempat perkhemahan yang sesuai serta cukup kelengkapan bagi keperluan latihan Pemimpin.
 - (ii) (Disimpan)
 - (iii) Mengelola dan menyelenggara tempat-tempat perkhemahan sedia ada.
- (7A) Pesuruhjaya Program Negara: Maka hendaklah diadakan seorang Pesuruhjaya Program Negara daripada seorang warganegara Malaysia dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atas cadangan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara. Tauliah Pesuruhjaya Program Negara hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengakap Negara.
- (7B) Tugas-tugas Pesuruhjaya Program Negara adalah berpandukan kepada Undang-Undang Kecil Jawatankuasa Program Negara yang diluluskan.
- (8) Penolong-Penolong Pesuruhjaya Antarabangsa: Maka hendaklah ada beberapa orang Penolong Pesuruhjaya Antarabangsa yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa, dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atas cadangan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, untuk tugas-tugas yang ditentukan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara. Tauliah Penolong-Penolong Pesuruhjaya Antarabangsa hendaklah ditandatangani oleh Ketua Pengakap Negara. Ibu Pejabat Persekutuan hendaklah memaklumkan nama-nama yang telah dilantik kepada Biro Pengakap Sedunia.
- (9) Ketua Pegawai Eksekutif: Maka hendaklah ada seorang Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dengan persetujuan Ketua Pengakap Negara dan disahkan oleh Majlis Eksekutif Pengakap Negara dan hendaklah ditauliahkan sebagai Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kanan. Senarai tugas dan tanggungjawabnya ditetapkan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan Majlis Eksekutif Pengakap Negara.

Tempoh perkhidmatan Ketua Pegawai Eksekutif ialah secara kontrak selama tiga tahun dan boleh dilantik semula.

(10) (Disimpan)

(11) (Disimpan)

Majlis Pengakap Negara

12. Majlis Pengakap Negara adalah ditubuhkan seperti berikut:-

(1) Keahlian Majlis Pengakap Negara: Ahli-ahli Majlis Pengakap Negara mengandungi Yang di Pertua iaitu Ketua Pengakap Negara dan mereka yang tersebut di bawah ini:-

(a) Ahli-ahli Rasmi:-

Timbalan Yang di Pertua
Naib Yang di Pertua
Bendahari Majlis Pengakap Negara
Setiausaha Majlis Pengakap Negara
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
Timbalan-Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
Pesuruhjaya Antarabangsa
Pesuruhjaya Latihan Negara
Pesuruhjaya Program Negara
Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
Setiausaha Latihan Negara
Setiausaha Program Negara
Pengerusi-Pengerusi Majlis Pengakap Negeri
Ketua-Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri
Penolong-Penolong Pesuruhjaya Antarabangsa bagi Sabah dan Sarawak
Setiausaha-Setiausaha Majlis Pengakap Negeri
Pengerusi Persaudaraan Pengakap B.P. Negara
Pengerusi Persaudaraan Pengakap Raja Malaysia
Penolong Setiausaha Majlis Pengakap Negara
Penolong Bendahari Majlis Pengakap Negara
Pengerusi Majlis Pengakap Kelana Negara

(b) Ahli-ahli Yang Dilantik:-

Ahli-Ahli yang Dilantik oleh Ketua Pengakap Negara adalah tidak melebihi daripada 10 orang

Seorang ahli yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Seorang ahli yang dilantik oleh pihak Istana Negara yang bertanggungjawab berkenaan dengan Penaung Utama dan Penaung-Penaung.

Seorang ahli yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan dengan hal ehwal luar negara.

Seorang ahli yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan dengan kewangan.

Seorang ahli yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan dengan pelajaran.

Seorang ahli yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan dengan pengajian tinggi.

Seorang ahli yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan dengan belia.

(Disimpan)

(c) Ahli-ahli Yang Dipilih:-

Tidak lebih daripada dua puluh (20) orang dipilih dari semasa ke semasa oleh Majlis Pengakap Negara di Mesyuarat Agung Tahunannya menjadi ahli-ahli Majlis Pengakap Negara untuk selama tiga tahun dari tarikh pemilihan mereka atau sehingga mesyuarat agung yang berikutnya selepas tiga tahun mereka dipilih.

Orang-orang yang dipilih itu hendaklah bukan orang-orang yang memegang Tauliah.

(d) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah hadir dalam semua mesyuarat Majlis Pengakap Negara sebagai ahli Ex-Officio.

(2) Sijil Perakuan ahli Majlis Pengakap Negara: Ibu Pejabat Persekutuan hendaklah mengeluarkan Sijil-Sijil Perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengakap Negara kepada semua orang yang telah dipilih atau dilantik dan mereka yang berkecuali menjadi ahli dan hanya orang-orang yang telah dikeluarkan sijil itu sahaja berhak menyertai atau mengundi di mesyuarat-mesyuarat Majlis Pengakap Negara.

(3) Tugas dan Tanggungjawab:

(a) (i) Mencari dan mentadbir segala wang, sama ada dicari, didermakan, yuran, dikurniakan atau diterima daripada

sebarang punca yang sesuai dengan Peraturan-peraturan ini untuk penyelenggaraan Ibu Pejabat Persekutuan dan pembangunan berpengakap di Malaysia dan mengelola dan mengamalkan Dasar Kewangan Persekutuan di peringkat Kumpulan, Daerah, Kawasan, Bahagian atau Wilayah, Negeri dan Ibu Pejabat mengikut bagaimana yang tersebut dalam Peraturan-peraturan ini.

- (ii) Di mana Majlis Eksekutif Pengakap Negara itu puas hati bahawa sesuatu Majlis Pengakap Negeri itu mempunyai keadaan kewangan tersendiri, Majlis Pengakap Negeri itu adalah mempunyai tanggungjawab penuh untuk mengawal dan mentadbirkan segala wang berkenaan negeri mereka dengan syarat bahawa dalam menjalankan kuasa mereka, mereka hendaklah patuh kepada kehendak-kehendak Perlembagaan dan Dasar Persekutuan.
- (b) Menjual kepada ahli-ahli yang berhak segala lencana-lencana dan lambang-lambang kebesaran yang terkawal untuk dianugerahkan dan dipakai bagaimana disebutkan dalam Peraturan-peraturan ini; dengan syarat bahawa segala lencana-lencana dan lambang-lambang kebesaran itu adalah kekal menjadi hak Persekutuan walaupun pembayaran telah dibuat oleh tiap-tiap seorang bagi mendapatkannya.
- (c) Menguruskan atas bijaksananya, satu jabatan alatan untuk memberi khidmat yang berfaedah kepada ahli-ahli dan sebagai satu punca kewangan kepada Persekutuan.
- (d) Menerbit, menyiar dan menjual buku-buku dan risalah-risalah dalam sebarang bahasa yang sesuai bagi kegunaan ahli-ahli Persekutuan dengan syarat bahawa kandungan sesuatu penerbitan itu telah disahkan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.
- (e) Mengatur dan menjalankan sebaran am dalam apa cara jua pun, dibentuk bagi menggalakkan persetujuan dan sokongan orang ramai kepada Persekutuan dan Pergerakan Pengakap pada umumnya.
- (f) Menguruskan mesyuarat, pertunjukan, perhimpunan, persidangan, dan gerak kerja Kebangsaan bersama bagi faedah Persekutuan dan ahlinya.
- (g) Mengelola dan menggalakkan perkembangan “Persaudaraan Pengakap B.P” dan “Persaudaraan Pengakap Raja” menerima dan jika sesuai mempersetujuan Undang-Undang Kecil dan Dasar Persaudaraan itu dan Cawangan-Cawangannya.
- (h) Melantik seorang Juru Audit yang berkeelayakan yang menjadi ahli kepada badan profesional yang diakui bagi memeriksa kewangan

Persekutuan, Kunci Kira-Kira Tahunan dan melaporkan pendapatnya kepada Majlis pada tiap-tiap Mesyuarat Agung Biasa.

- (i) Meminda, mengubah dan menambah Peraturan-Peraturan ini mengikut bagaimana yang tersebut dalam peraturan 48.

Dan tugas-tugas yang berikut hendaklah dijalankan bersama dan dengan persetujuan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

- (j) Menimbangan dan jika sesuai mempersetujui semua pencalonan bagi Bintang Semangat Padi Emas, Bintang Semangat Padi Perak, Bintang Semangat Rimba Emas, Bintang Semangat Rimba Perak, Bintang Bakti Terbilang Emas, Bintang Bakti Terbilang Perak, Bintang Pahlawan, Bintang Jasa Pengakap, Pingat Perkhidmatan Gemilang, Pingat Perkhidmatan Cemerlang, Pingat Perkhidmatan Lama, Pingat Perkhidmatan Setia, Perkhidmatan Baik, Sijil Kepujian Ketua Pengakap Negara.
 - (i) Persekutuan Negeri boleh menzahirkan anugerah sendiri dengan persetujuan Ketua Pengakap Negara
- (k) Menjalankan tugas-tugas dan kuasa Perbadanan yang dikuatkuasakan dalam Akta 784 Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968 (Disemak–2016).
- (l) Melantik, mengelola dan atas bijaksananya, menamatkan perkhidmatan atau menggantung jawatan pekerja-pekerja Persekutuan yang difikirkan patut dari semasa ke semasa dan menentukan kuasa-kuasa dan kerja-kerja mereka dan menetapkan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan mereka.
- (m) Mengurus mengikut kehendak Peraturan-peraturan ini, sebarang perbalahan mengenai keahlian dalam Persekutuan; atas bijaksana mereka menerima semula, menggantung atau memecat mereka daripada menjadi ahli, asalkan tindakan yang diambil itu mengikut syarat-syarat yang ada dalam Peraturan-peraturan ini.
- (n) Memberi kuasa pendaftaran oleh Ibu Pejabat Persekutuan di atas Majlis Pengakap Daerah dan menentukan kawasan bagi Majlis Pengakap Daerah dan memansuhkan Majlis Pengakap Daerah itu daripada pendaftaran.
- (o) Memberi kuasa pendaftaran oleh Ibu Pejabat Persekutuan di atas semua Kumpulan Pengakap dan memansuhkan Kumpulan-Kumpulan itu daripada pendaftaran.

- (p) Memberi kuasa pengeluaran Tauliah-Tauliah oleh Ibu Pejabat Persekutuan kepada semua Pemimpin dalam Kumpulan dan Pemimpin-Pemimpin bagi Pasukan Pengakap Kelana.
 - (q) Menyediakan Ibu Pejabat dan pekerja-pekerja yang cukup bagi menjalankan pentadbiran dan tugas-tugas yang dikuasakan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan Majlis Pengakap Negara dan Majlis Eksekutif Pengakap Negara dan Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecilnya.
 - (r) Mendapatkan penyelarasan dan sokongan di atas kerja Majlis Pengakap Negeri dan Majlis Pengakap Daerah dan memelihara dan menggalakkan tujuan Persekutuan ini di dalam dan di luar Persekutuan.
- (3.1) Majlis Pengakap Negara hendaklah dianggap sebagai telah memberikan kuasa kepada Majlis Eksekutif Pengakap Negara segala tugas-tugas Majlis Pengakap Negara kecuali di mana-mana ada disebut dalam peraturan ini tetapi hendaklah memberikan laporan pada tiap-tiap mesyuarat Majlis Pengakap Negara.
- (4) Pegawai-Pegawai: Pegawai-Pegawai Majlis Pengakap Negara ialah:
- (a) Yang di Pertua (Ketua Pengakap Negara)
 - (b) Timbalan Yang di Pertua, Naib-Naib Yang di Pertua, dan Bendahari: Timbalan Yang di Pertua, Naib-Naib Yang di Pertua dan Bendahari hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Pengakap Negara untuk berkhidmat tiga tahun sehingga mereka digantikan disalah satu mesyuarat Majlis Pengakap Negara selepasnya.
 - (c) Setiausaha Majlis Pengakap Negara hendaklah dilantik oleh Yang di Pertua untuk berkhidmat sehingga dia digantikan oleh Yang di Pertua.
 - (d) Selepas dipilih atau dilantik, pegawai-pegawai tersebut tidak boleh berkhidmat atau seterusnya berkhidmat dalam sebarang pangkat yang bertauliah. Mereka akan diberi Sijil Perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengakap Negara.
- (5) Mesyuarat:
- (a) (i) Majlis Pengakap Negara hendaklah mengadakan Mesyuarat Agung pada tiap-tiap tahun. Mesyuarat Agung Luar Biasa Majlis Pengakap Negara boleh diadakan dengan arahan Ketua Pengakap Negara, atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau Majlis Eksekutif Pengakap Negara atau atas permintaan oleh sepuluh orang ahli Majlis, dengan syarat pemberitahuan bagi mesyuarat itu hendaklah diberikan mengikut Peraturan-peraturan Mesyuarat.

- (ii) Mesyuarat-mesyuarat khas boleh diadakan dengan arahan Ketua Pengakap Negara dan pemberitahuan bagi mesyuarat itu hendaklah diberikan sekurang-kurangnya 3 hari sebelum mesyuarat itu diadakan.
- (b) Mesyuarat Agung Tahunan Majlis Pengakap Negara hendaklah:-
 - (i) Menerima dan mempersetujui Laporan Tahunan Persekutuan Pengakap Malaysia;
 - (ii) Menerima dan mempersetujui Penyata Kewangan Persekutuan Pengakap Malaysia yang telah diaudit oleh Juru Audit bertauliah;
 - (iii) Memilih pegawai-pegawai, 20 orang ahli Majlis Pengakap Negara dan seramai 3 orang dari kalangan ahli Majlis Pengakap Negara sebagai ahli Majlis Eksekutif Pengakap Negara tiga tahun sekali;
 - (iv) Membincang dan menerima usul-usul.
 - (v) Membincang perkara-perkara lain.
- (c) Mesyuarat hendaklah dijalankan mengikut peraturan yang ditentukan dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat seperti Perkara 12(7).
- (6) (a) Majlis Eksekutif Pengakap Negara: Maka hendaklah ada satu Majlis Eksekutif Pengakap Negara bagi Majlis Pengakap Negara dan majlis ini hendaklah mengandungi ahli-ahlinya seperti berikut:-

Yang di Pertua
Timbalan Yang di Pertua
Naib-Naib Yang di Pertua
Bendahari Majlis Pengakap Negara
Setiausaha Majlis Pengakap Negara
Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
Timbalan-Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
Pesuruhjaya Antarabangsa
Pesuruhjaya Latihan Negara
Pesuruhjaya Program Negara
Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
Semua Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri
Penolong-Penolong Pesuruhjaya Antarabangsa Sabah dan Sarawak

Ahli dalam Majlis Pengakap Negara yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Ahli dalam Majlis Pengakap Negara yang dilantik oleh pihak Istana Negara yang bertanggungjawab berkenaan Penaung Utama dan Penaung-Penaung

Ahli dalam Majlis Pengakap Negara yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan dengan hal ehwal luar negara.

Ahli dalam Majlis Pengakap Negara yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan kewangan

Ahli dalam Majlis Pengakap Negara yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan pelajaran

Ahli dalam Majlis Pengakap Negara yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan pengajian tinggi

Ahli dalam Majlis Pengakap Negara yang dilantik oleh Menteri Kerajaan Pusat yang bertanggungjawab berkenaan belia

Tiga orang ahli Majlis yang dipilih oleh Majlis Pengakap Negara di mesyuarat tahunannya, tiga tahun sekali.

Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah hadir dalam semua mesyuarat Majlis Eksekutif Pengakap Negara sebagai ahli Ex-Officio

- (b) Majlis Eksekutif Pengakap Negara hendaklah dianggap sebagai telah diberikan kuasa kepadanya segala tugas-tugas Majlis Pengakap Negara kecuali di mana-mana ada disebut dalam Peraturan ini, tetapi hendaklah memberikan laporan pada tiap-tiap mesyuarat Majlis Pengakap Negara.
- (c) Majlis Eksekutif Pengakap Negara hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam enam bulan. Mesyuarat boleh diadakan untuk sebarang tujuan yang diarahkan oleh Yang Di Pertua, Timbalan Yang di Pertua atau Naib Yang di Pertua.
- (d) Mesyuarat Majlis Eksekutif Pengakap Negara hendaklah dijalankan mengikut peraturan yang ditentukan dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat seperti Perkara 12(7).

- (e) Mesyuarat Majlis Eksekutif Pengakap Negara boleh melantik Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil yang difikirkan perlu.
- (7) Peraturan Mesyuarat:
 - (a) **Kekosongan Jawatan:** Mana-mana ahli Majlis hendaklah terhenti daripada menjadi ahli Majlis:-
 - (i) Jika ia disahkan tidak siuman atau menghadapi penyakit kekal yang menghalangnya dari menjalankan tugas sebagai ahli Majlis;
 - (ii) Jika ia memberitahu secara bertulis kepada Persekutuan ia memohon untuk menamatkan perkhidmatannya;
 - (iii) Jika Majlis Pengakap Negara dengan suara dua per tiga daripada bilangan ahlinya yang akan hadir dalam suatu Mesyuarat Khas yang diadakan untuk tujuan tersebut membuat usul bahawa ahli itu ditamatkan perkhidmatannya.
 - (b) **Mengisi kekosongan jawatan:** Sekiranya berlaku kekosongan keahlian Majlis Pengakap Negara, Majlis Eksekutif Pengakap Negara boleh melantik sesiapa sahaja yang difikirkan sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan (Tahun Pemilihan) yang akan datang di kalangan ahli Majlis Pengakap Negara yang telah terpilih.
 - (c) **Perkara-Perkara Untuk Dipertimbangkan:** Perkara-perkara untuk dipertimbangkan hendaklah dihantar dengan cara bertulis dan tindakan akan diambil oleh Majlis Eksekutif Pengakap Negara atau Jawatankuasa-Jawatankuasanya.
 - (d) **Pengurusan Perkara-Perkara Dengan Cara Surat-Menyurat:** Apabila tindakan atas perkara-perkara berkehendakkan pertimbangan segera dibuat dengan cara surat-menyurat, bilangan jawapan suara yang terbanyak adalah perlu bagi memberi kuasa kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara mengambil tindakan bagi pihak Majlis Pengakap Negara atau Majlis Eksekutif Pengakap Negara.
 - (e) **Pemberitahuan Mesyuarat:** Bagi mesyuarat-mesyuarat tahunan Majlis Pengakap Negara dan Mesyuarat Luar Biasa Majlis Pengakap Negara, ahli-ahli hendaklah menerima pemberitahuan tidak kurang dari empat belas hari termasuk hari-hari cuti dan bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis Eksekutif Pengakap Negara, ahli-ahli hendaklah menerima pemberituannya tidak kurang dari tujuh hari termasuk hari-hari cuti.

- (f) **Pengerusi:** Yang di Pertua atau jika ia tidak hadir Timbalan Yang di Pertua atau Naib Yang di Pertua, hendaklah mempengerusikan tiap-tiap mesyuarat Majlis Pengakap Negara dan Majlis Eksekutif Pengakap Negara. Jika Yang di Pertua atau Timbalan Yang di Pertua atau Naib Yang di Pertua tidak hadir dalam tempoh 15 minit selepas waktu yang ditetapkan bagi mesyuarat itu, ahli Majlis Pengakap Negara atau Majlis Eksekutif Pengakap Negara yang hadir hendaklah memilih salah seorang daripada mereka mempengeruskannya.
- (g) (i) **Cukup Korum:** Mesyuarat hanya boleh dijalankan jika seperti berikut:-
- Mesyuarat Majlis Pengakap Negara dihadiri tidak kurang 20 orang daripada bilangan keahlian Majlis Pengakap Negara.
- MesyuaratMajlis Eksekutif Pengakap Negara dihadiri tidak kurang daripada 8 orang ahli.
- (ii) Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan dengan permintaan ahli-ahli hendaklah dibubarkan jika korum yang dikehendaki tidak mencukupi. Bagi Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diarahkan oleh Ketua Pengakap Negara, sekiranya tidak mencukupi korum hendaklah ditangguhkan selama satu jam. Selepas dari itu, mesyuarat boleh diteruskan khusus mengenai agenda asal sahaja.
- (iii) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah ditangguhkan selama satu jam sekiranya korum yang dikehendaki tidak mencukupi. Selepas satu jam, jika korum yang dikehendaki masih tidak mencukupi mesyuarat hendaklah ditangguhkan pada satu masa yang lain. Notis panggilan mesyuarat kali ke dua hendaklah tidak kurang daripada tujuh hari termasuk hari cuti dan sekiranya korum yang dikehendaki masih tidak mencukupi mesyuarat boleh diteruskan.
- (h) **Pengundian:** Dalam semua mesyuarat Majlis Pengakap Negara dan Majlis Eksekutif Pengakap Negara keputusan hendaklah dibuat mengikut undi yang terbanyak daripada ahli-ahli yang hadir. Sekiranya bilangan undi sama banyak antara dua pihak maka Pengerusi mempunyai hak undi pemutus. Mengundi hendaklah dengan cara undi sulit atau dengan cara mengangkat tangan mengikut keputusan Pengerusi bagi tiap-tiap satu perkara.
- (i) **Pembaharuan Persetiaan Pengakap dan doa;** Semua mesyuarat Majlis Pengakap Negara, Majlis Eksekutif Pengakap Negara dan Jawatankuasa-Jawatankuasanya hendaklah dimulakan dengan memperbaharui Persetiaan Pengakap dan diikuti dengan doa.

- (j) **Penangguhan:** Pengerusi mesyuarat, dengan persetujuan ahli-ahli, boleh menangguhkan mesyuarat pada bila-bila masa.
- (k) **Minit Mesyuarat:** Semua minit mesyuarat hendaklah disiapkan dalam tempoh dua minggu dan diedarkan kepada ahli untuk tindakan. Minit hendaklah dikemukakan dalam mesyuarat berikutnya bagi disahkan.
- (l) **Am:** Pengerusi bagi sesuatu mesyuarat adalah diberi kuasa bagi menjalankan perkara-perkara dalam mesyuarat dan keputusannya adalah muktamad, kecuali dalam perkara-perkara yang dinyatakan dalam Peraturan ini, semua keputusan mesyuarat hendaklah dilaksanakan.

SEKSYEN II

MENJADI AHLI PERSEKUTUAN

Keahlian

13. Untuk menjadi ahli Persekutuan hendaklah dengan sukarela dan jangan ada beza-membeza disebabkan oleh bangsa, agama atau keturunan. Mereka akan terus kekal sebagai ahli Persekutuan selagi mereka menjalankan khidmat mereka dengan betul mengikut pangkat dan jawatan yang dinyatakan di bawah ini:-

- (1) Pengakap yang menjadi ahli dalam Kumpulan yang berdaftar atau Pasukan Pengakap Kelana.
- (2) Pemimpin Pengakap (*Scouters*).
- (3) Orang-orang yang memegang pangkat tidak bertauliah atau kehormat seperti tersebut dalam Bahagian III merangkumi peringkat Kumpulan, Daerah, Kawasan, Bahagian atau Wilayah, Negeri dan Negara.
- (4) (Disimpan)
- (5) (Disimpan)
- (6) (Disimpan)

14. (Disimpan)

Warganegara Asing

15. (1) Warganegara negara asing boleh diterima sebagai ahli bergantung kepada persetujuan Ketua Pengakap Negara dan mereka akan melafazkan Persetiaan Pengakap seperti berikut:

“On my honour, I promise that I will do my best, to do my duty to God, and to the lawfully constituted Government of Malaysia, to help other people at all times, and to obey the Scout Law”.

(2) Nama penuh, nombor pasport dan alamat orang yang diterima masuk, bersama-sama dengan nama Kumpulan di negara asalnya yang mana dia mungkin telah menjadi ahli, hendaklah dihantarkan kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

(3) Pengeluaran sebarang Tauliah atau Lencana pangkat kepada seorang warganegara negara asing yang diterima masuk adalah berkehendakkan kebenaran khas daripada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

(4) Warganegara asing tidak boleh sesama mereka menubuhkan suatu Kumpulan Pengakap sendiri dan bersekutu dengan Persekutuan Pengakap Negara asalnya atau memakai pakaian seragam Pengakap kebangsaannya di Malaysia, kecuali pihak kedutaan Negara berkenaan mengambil alih kuasa penubuhannya. Jika Pengakap itu melawat Malaysia mereka hendaklah memaklumkan kepada Pesuruhjaya Antarabangsa.

Penentuan

16. Selain daripada cara-cara lain yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini kemasukan seseorang ahli itu boleh diputuskan dengan dibuat usul oleh Majlis Pengakap Negara. Majlis Pengakap Negara tidak terikat untuk memberikan sebarang sebab di atas sebarang tindakan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

SEKSYEN III

DASAR AGAMA

Dasar Agama

17. (1) Persekutuan ini tidak terhad kepada sesuatu agama. Walaubagaimanapun, adalah diharapkan bahawa tiap-tiap seorang Pengakap hendaklah mengamalkan ajaran agama yang dianutinya dan menghormati kepercayaan orang lain. Dalam sesuatu Kumpulan yang ahlinya terdiri daripada satu agama sahaja, Pemimpin Kumpulan itu boleh mengaturkan sembahyang dan pelajaran bagi agama itu yang difikirkannya baik dengan berunding dengan pegawai agama yang berkenaan.

(2) Kumpulan yang ahlinya terdiri daripada berbagai-bagai agama, maka adalah menjadi tanggungjawab Pemimpin-Pemimpin menggalakkan mereka beribadat mengikut cara

masing-masing dan janganlah diadakan satu sembahyang yang khas bagi kesemuanya dalam Kumpulan itu. Jika ada tegahan tidak membenarkan seorang Pengakap itu menghadiri perkumpulan agama selain daripada perkumpulan agamanya sendiri, maka Pemimpin-Pemimpin Pengakap dalam Kumpulan itu hendaklah menjaga supaya tegahan itu dipatuhi selagi Pengakap itu berada di bawah kawalannya.

SEKSYEN IV

PERBALAHAN POLITIK DAN PERINDUSTRIAN

Politik

18. (1) Persekutuan ini tidak ada perhubungan dengan mana-mana badan politik. Ahli Persekutuan dalam masa menjadi wakil Pergerakan Pengakap tidak boleh mengambil bahagian dalam mesyuarat atau gerakerja politik.

(2) Persekutuan atau ahlinya tidak boleh digunakan pada bila-bila masa bagi dakyah politik untuk memberikan faedah kepada sesuatu parti politik. Tidak ada dalam Peraturan ini yang boleh diertikan bahawa seorang Pengakap itu tidak boleh membantu Kerajaan Malaysia yang dibentuk mengikut Perlembagaan.

Perbalahan Perindustrian

19. Oleh kerana Persekutuan ini bukannya satu badan politik, maka sokongan tidak boleh diberikan kepada mana-mana pihak dalam perbalahan perindustrian. Jika sesuatu badan awam yang diakui mengumumkan bahawa pekerja-pekerja sukarela adalah dikehendaki bagi mengelakkan kemalangan awam yang buruk atau menyusahkan disebabkan oleh keadaan itu, maka tidak ada halangan bagi seorang Pemimpin Kumpulan itu, dengan persetujuan Pesuruhjaya Daerah, menawarkan bantuan Pasukan Pengakap Muda, Pasukan Pengakap Remaja atau Pasukan Pengakap Kelananya kepada badan itu, asalkan tidak ada paksaan dibuat atas seorang Pengakap Muda, Pengakap Remaja atau Pengakap Kelana itu bagi menawarkan perkhidmatan sukarelanya dan tidak ada denda dikenakan atasnya kiranya ia tiada menyumbangkan perkhidmatan sukarelanya.

SEKSYEN V

DASAR KEWANGAN

Tujuan

20. Maka adalah menjadi tujuan Persekutuan ini supaya berdikari. Proses ini hendaklah bermula secara berkumpulan di mana matlamatnya untuk mencari sumber kewangan yang cukup dengan cara yang sah bagi membantu Kumpulan itu sendiri dan memberi bantuan kewangan kepada Majlis Pengakap Daerah, Majlis Pengakap Negeri dan Ibu Pejabat Negara.

Penerimaan Sumbangan

21. (a) Adalah dibenarkan bagi Persekutuan ini menerima sumbangan, dalam bentuk aset kekal dan aset semasa serta sumbangan dalam bentuk kewangan sama ada melalui pemberian tahunan atau dengan cara-cara lain, asalkan semua sumbangan itu diterima atas nama Majlis Pengakap Daerah, Wilayah atau Bahagian, Negeri dan Negara.
- (b) Majlis Pengakap Negara, Negeri, Bahagian, Daerah dan Kumpulan boleh membuka akaun di mana-mana bank yang ditubuhkan di Malaysia dengan persetujuan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia atau Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negeri-Negeri.

Anggaran Dan Peruntukan Tahunan

22. Majlis Eksekutif Pengakap Negara adalah bertanggungjawab meluluskan semua peruntukkan mengikut belanjawan yang tersedia.

- (1) Jawatankuasa Kewangan hendaklah menghantarkan cadangan belanjawan untuk tahun berikutnya kepada Majlis Eksekutif Pengakap Negara tidak lewat daripada 30 September pada setiap tahun.
- (2) Majlis Eksekutif Pengakap Negara adalah berkuasa untuk menahan peruntukan kewangan kepada mana-mana negeri daripada tabung Majlis Pengakap Negara.
- (3) Semua tuntutan dari negeri-negeri bagi peruntukkan daripada tabung Majlis Pengakap Negara mestilah dihantarkan kepada Bendahari Majlis Pengakap Negara pada atau sebelum 15 Disember, pada setiap tahun; jika tidak, tuntutan itu akan dibawa sebagai tuntutan atas peruntukan yang disahkan bagi tahun yang berikut.

23. Jawatankuasa Kewangan hendaklah menyediakan kunci Kira-Kira dan Kira-Kira Pendapatan dan Perbelanjaan Majlis Pengakap Negara bagi tahun yang lalu berakhir pada 31 Disember untuk dihantarkan kepada Juru Audit yang dilantik oleh Majlis Eksekutif Pengakap Negara tidak lewat daripada 30 Januari.

Menyemak Kira-Kira Negeri

24. Jawatankuasa Kewangan Persekutuan Pengakap Malaysia hendaklah menerima dan menyemak Penyata Kewangan Negeri bagi tahun yang lalu tidak lewat daripada 31 Mei setiap tahun.
25. Penyata Kewangan PPM Negeri perlu diaudit oleh Juruaudit bertauliah dan Penyata Kewangan PPM Daerah perlu disemak oleh Pemeriksa Kira-Kira Dalam PPM Negeri.

Aset

26. Semua aset semasa dan aset tetap walau di mana letaknya sama ada dipegang bagi kegunaan Majlis Pengakap Negara, Majlis Pengakap Negeri, Majlis Pengakap Daerah atau Kumpulan hendaklah dikuasa milik di atas nama Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia atau Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia Negeri-Negeri.

Peyuran-Peyuran

27. (Disimpan).

Permohonan Bantuan Kewangan

28. Kumpulan perlu mendapatkan kebenaran Pesuruhjaya Daerah dan Negeri untuk membuat permohonan bantuan kewangan secara umum di dalam daerahnya sahaja. Sebarang permohonan di luar daerah adalah dilarang sama sekali.

- (1) Dengan semangat kepengakapan, setiap ahli hendaklah menjana pendapatan melalui perkhidmatan.
- (2) Kumpulan atau Daerah adalah bertanggungjawab mengadakan tabung kewangannya sendiri. Sebarang permohonan bantuan tambahan hendaklah diajukan kepada Majlis Pengakap Negeri atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara melalui Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri.
- (3) Wang bantuan selain daripada wang bantuan daripada Kerajaan Negeri tidak boleh diterima atau diminta jika tidak terlebih dahulu dirujukkan kepada Ketua Pengakap Negara.
- (4) (Disimpan)
- (5) (Disimpan)

Insurans

29. (1) Persekutuan hendaklah mengambil Insurans Perlindungan (Indemnity Policy) bagi Pemimpin Pengakap untuk melindungi semua Pemimpin Pengakap yang bertauliah daripada tanggungjawab undang-undang disebabkan oleh kemalangan yang berlaku semasa gerak kerja Pengakap yang benar dan sah.

(2) Persekutuan hendaklah mengambil Insurans Perlindungan (Indemnity Policy) bagi Pemimpin Pengakap untuk melindungi semua Pemimpin Pengakap daripada tuduhan atau fitnah yang mungkin berlaku kerana menjalankan tugas-tugas mereka yang benar dan sah sebagai Pemimpin Pengakap.

(3) Persekutuan hendaklah mengadakan kemudahan-kemudahan bagi Kumpulan-Kumpulan melalui Ibu Pejabat mengambil Insurans kemalangan perseorangan dan perbelanjaan perubatan bila-bila difikirkan perlu.

Kumpulan Wang Cadangan Khas

30. (1) Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap Majlis Pengakap Negeri membayar pada tiap-tiap tahun kepada Bendahari, Majlis Pengakap Negara, sebanyak mana wang yang dikehendaki untuk Kumpulan Wang Cadangan Khas (Sinking Fund) yang dipegang amanah oleh Majlis Pengakap Negara bagi melindungi Persekutuan di atas semua harta yang didirikan di atas tanah pajak (leasehold land).

(2) Kiranya wang pembayaran tersebut tidak disempurnakan sehingga 28 Februari pada setiap tahun maka Bendahari, Majlis Pengakap Negara adalah diberi kuasa untuk memotong sebanyak mana wang daripada sebarang wang yang ada sebagai bayaran Majlis Pengakap Negeri yang berkenaan.

SEKSYEN VI

HUBUNGAN LUAR DAN ANTARABANGSA

Jabatan Kerajaan

31. Persekutuan Pengakap adalah suatu badan persendirian yang tidak dikawal atau diarah oleh Jabatan Kerajaan.

Perhubungan Dengan Pertubuhan Lain

32. Persekutuan boleh menjalin persahabatan dengan pertubuhan-pertubuhan kebangsaan lain yang tidak bercorak politik dan yang mempunyai tujuan-tujuan yang sama.

33. (Disimpan)

Pergabungan Dengan Biro Sedunia

34. Persekutuan ini, sebagaimana juga Persekutuan Pengakap Negara asing yang berdaftar, adalah bergabung dengan Pertubuhan Pengakap Sedunia, yang bertanggungjawab mengiktiraf dan mendaftar Persekutuan Pengakap Negara seluruh dunia dan bagi merancang aktiviti antarabangsa.

Kenyataan Di Akhbar, Siaran Radio, Televisyen Dan Pembuatan Filem Dan Penerbitan

35. (1) Ahli Persekutuan tidak dibenarkan mengeluarkan fikiran mereka di dalam akhbar dan melibatkan diri mereka dalam penyiaran radio dan televisyen dalam sebarang perkara berkenaan dengan dasar Pengakap atau perkara-perkara mengenai Pergerakan Pengakap dengan tidak mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengakap Negara.

(2) Sungguhpun begitu, Majlis Pengakap Negeri boleh mengeluarkan pemberitahuan dan laporan serta menerbitkan risalah dan buku mengenai aktiviti ahli mereka dan perkembangan Pergerakan Pengakap dalam Negeri masing-masing mengikut dasar yang ditetapkan oleh Majlis Eksekutif Pengakap Negara. Semua penerbitan sama ada melalui media cetak atau elektronik mestilah mendapat kelulusan Ketua Pengakap Negara.

(3) Majlis Pengakap Negeri boleh, dengan kebenaran Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri, menerbitkan dan menggalakkan penerbitan Majalah Pengakap asalkan apa yang diterbitkan tidak melanggar dasar dan tujuan bagaimana yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini.

SEKSYEN VII

PERATURAN-PERATURAN AM

36. Carta organisasi Persekutuan adalah seperti Lampiran A, B, C, D, F dan Lampiran G berpandukan kepada carta terkini yang akan dikeluarkan dari masa ke semasa oleh Ibu Pejabat Kebangsaan.

37. (Disimpan)

Pentadbiran Persekutuan

38. Persekutuan boleh melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan beberapa orang kakitangan yang digaji penuh mengikut keperluan bagi mengurus pentadbiran, operasi dan logistik Persekutuan.

Pangkat

39. Ahli Majlis Pengakap Negara, Jawatankuasanya dan pemegang beberapa jawatan di Ibu Pejabat adalah berpangkat Pesuruhjaya.

Saluran Perhubungan

40. Saluran perhubungan adalah mengikut Lampiran "C" kecuali jika diarahkan sebaliknya.

Raja-Raja dan Jabatan-Jabatan Kerajaan

41. Surat-menyurat berkenaan dengan perkara berkaitan Pengakap tidak boleh dialamatkan kepada Raja-Raja, Yang di Pertua Negeri-Yang di Pertua Negeri, Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Kedutaan-Kedutaan sama ada di dalam atau di luar negeri, kecuali melalui Ibu Pejabat Persekutuan Negara atau Negeri.

Perkara-Perkara Negeri

42. (Disimpan)

TAULIAH, SIJIL PERAKUAN DAN SURAT PERLANTIKAN

Tauliah, Sijil Perakuan Dan Surat Pelantikan

43. (a) Sesiapa juga yang memegang sebarang Tauliah, Sijil Perakuan atau Surat Pelantikan yang tempoh jawatan berkenaan ada disebut di dalamnya atau sebagaimana dinyatakan dalam Bahagian III Peraturan ini, akan tamat tempoh pelantikannya dan tidak boleh memegang atau menyambung lagi jawatan dalam Majlis Pengakap Negara, Majlis Eksekutif Pengakap Negara atau Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecilnya atau sebarang jawatan dalam Persekutuan kecuali Tauliah, Sijil Perakuan atau Surat Pelantikan itu dibaharui atau dilanjutkan.
- (b) Jika wujud sebarang permasalahan kepada Peraturan 43(a), pemegang Tauliah, Sijil Perakuan atau Surat Pelantikan hendaklah meneruskan tugasnya sehingga pelantikan baru dibuat dan keputusan Ketua Pengakap Negara adalah muktamad.

PENDAFTARAN SEMULA TAHUNAN DAN BANGCI

Tarikh Bangci

44. Bangci tahunan dan pendaftaran semula semua Kumpulan-Kumpulan dan Persekutuan-Persekutuan Tempatan adalah dijalankan pada 31hb Oktober pada tiap-tiap tahun.

Borang Dan Arahan

45. Borang-Borang yang berkenaan dan arahan-arahan akan dikeluarkan kepada penguasa-penguasa yang tertentu dengan tidak payah diminta.

Tarikh Akhir Bagi Menghantar Penyata-Penyata

46. Penyata-Penyata banci dan pendaftaran semula yang lengkap bagi semua Kumpulan-Kumpulan dan Persekutuan-Persekutuan Tempatan mestilah dihantarkan kepada Ibu Pejabat sebelum 31hb Januari tiap-tiap tahun.

Kegagalan Mendaftar Semula

47. Kegagalan menghantarkan banci dan pendaftaran semula bagaimana dikehendaki dalam Peraturan 46 akan menyebabkan Kumpulan-Kumpulan yang berkenaan dengan sendirinya dipotong daripada pendaftaran, dan bagi sesuatu Persekutuan Tempatan yang gagal menghantarkan penyata-penyata bagi Kumpulan-Kumpulannya, Persekutuan Tempatan itu akan dengan sendirinya dipotong daripada pendaftaran. Dalam semua perkara yang di atas, semua Tauliah, Sijil dan Surat Pelantikan, Lencana-Lencana, wang dan harta-benda hendaklah dengan tiada berlengah lagi diserahkan kepada Pesuruhjaya Daerah dan pegawai-pegawai Persekutuan Tempatan kiranya Kumpulan-Kumpulan yang dimansuhkan, dan kepada Pesuruhjaya Negeri dan pegawai-pegawai Majlis Pengakap Negeri kiranya Persekutuan-Persekutuan Tempatan yang dimansuhkan, Mulai daripada 1hb Mac pada tiap-tiap tahun semua Kumpulan-Kumpulan yang telah dipotong pendaftarannya dan semua ahli-ahli dalam Kumpulan-Kumpulan itu tidak lagi menjadi ahli-ahli Persekutuan, dan tindakan akan diambil mengikut perbekalan-perbekalan yang tersebut dalam Akta (Perbadanan) Persekutuan Budak-Budak Pengakap Malaysia, 1968 berkenaan perkara-perkara mengenai mereka yang tidak menjadi ahli Persekutuan.

PINDAAN KEPADA PERATURAN

48. Perubahan, tambahan atau pindaan kepada Peraturan ini tidak boleh dibuat melainkan sekurang-kurangnya 14 hari pemberitahuan menerangkan mengenai perubahan, tambahan atau pindaan itu telah dihantarkan kepada semua ahli yang hadir di Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Luar Biasa Majlis Pengakap Negara yang diadakan khas bagi tujuan itu sahaja, kecuali tidak ada perubahan, tambahan atau pindaan dibuat kepada Peraturan-Peraturan 1 hingga 7 dengan tidak ada kebenaran bertulis daripada Biro Pengakap Sedunia.

49. (Disimpan)

50. (Disimpan)

51. (Disimpan)

52. (Disimpan)

53. (Disimpan)

54. (Disimpan)

55. (Disimpan)

BAHAGIAN III

PANGKAT DAN TAULIAH

Pangkat Bertauliah

56. Tauliah adalah dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Persekutuan kepada Pemimpin berikut:-

- (1) Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Timbalan-Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Pesuruhjaya Antarabangsa, Pesuruhjaya Latihan Negara, Pesuruhjaya Program Negara, Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Pesuruhjaya Kebangsaan dan Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan.
- (2) (Disimpan)
- (3) Pesuruhjaya-Pesuruhjaya: Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Penolong Ketua Pesuruhjaya atau Pesuruhjaya Negeri, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Negeri, Pesuruhjaya Bahagian, Penolong Pesuruhjaya Bahagian, Pesuruhjaya Kawasan, Pesuruhjaya Daerah, Penolong Pesuruhjaya Daerah.
- (4) Pemimpin-Pemimpin dalam Kumpulan: Pemimpin Kumpulan, Pemimpin dan Penolong Pemimpin
- (5) (Disimpan)

Sijil Pelantikan

57. Sijil Pelantikan akan dikeluarkan untuk:-

- (1) Pangkat Kehormat yang dilantik oleh Ketua Pesuruhjaya atau Pesuruhjaya Negeri di bawah Peraturan 97(5) atau oleh Pesuruhjaya Daerah dan Majlis Pengakap Daerah di bawah Peraturan 165.
- (2) Pangkat-pangkat yang tidak Bertauliah:-
 - (a) Dilantik mengikut Undang-Undang Kecil Majlis Pengakap Negeri:

Setiausaha Majlis Pengakap Negeri
Bendahari Majlis Pengakap Negeri
 - (b) Dilantik mengikut Undang-Undang Kecil Majlis Pengakap Daerah:

Pengerusi Majlis Pengakap Daerah
Setiausaha Majlis Pengakap Daerah
Bendahari Majlis Pengakap Daerah

- (c) Dilantik oleh Penolong Pesuruhjaya Daerah (Latihan) dengan persetujuan Pesuruhjaya Daerah:

Jurulatih
Penguji

Pangkat-pangkat yang tidak Bertauliah menerima Sijil-Sijil Pelantikan.

Wanita-Wanita

58. (Disimpan)

Tauliah-Tauliah Tambahan

59. Seseorang itu boleh dibenarkan memegang dua atau lebih Tauliah-Tauliah dan/atau lain-lain jawatan sekiranya dia mempunyai masa dan kebolehan untuk menjalankan kerja-kerja. Walau bagaimanapun jawatan yang dipegang hendaklah bukan dari jawatan setaraf.

Had Umur

59A. (i) Walau pun ada had umur bagi sesuatu pangkat, dalam Peraturan 69, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara boleh mengikut kebijaksanaannya mempersetujui pengeluaran Tauliah kepada seorang yang difikirkan layak.

(ii) Seseorang di bawah umur 18 tahun tidak boleh dikeluarkan tauliah.

SAHGUNA TAULIAH

Lingkungan Sah guna

60. Tauliah-tauliah adalah sah digunakan diseluruh Negara mengikut yang tercatat dalam Tauliah.

(i) (Disimpan)

(ii) (Disimpan)

(iii) (Disimpan)

(iv) (Disimpan)

(v) (Disimpan)

Tempoh

61. Tauliah-auliah adalah sah guna bagi tempoh-tempoh yang berikut:-

Pesuruhjaya	-	sehingga 31 Disember yang akan datang selepas satu tarikh pengeluaran (tiga tahun).
Pemimpin Kumpulan Kelana	-	dua tahun.
Pemimpin-Pemimpin	-	Tidak ada had, tetapi bagi tiap-tiap satu dalam Tauliah itu berhenti kuatkuasanya jika pemegangnya tidak menyambung atau tidak menjalankan tugas-tugas bagi maksud Tauliah itu dikeluarkan.

Tauliah-Tauliah Yang Dikeluarkan Sebelum Ogos 1957

61A. Bagi tujuan Peraturan-Peraturan ini, Tauliah-auliah yang dikeluarkan oleh Persekutuan Budak-Budak Pengakap, Cawangan Persekutuan Tanah Melayu, sebelum 31hb Ogos, 1957 akan dianggap telah dikeluarkan mengikut Peraturan-Peraturan ini dan tarikh mulai kuatkuasa pengeluarannya adalah tarikh yang dinyatakan pada Tauliah-auliah itu.

PENCALONAN TAULIAH BAGI PESURUHJAYA

Pencalonan Tauliah Bagi Pesuruhjaya

62. Tauliah bagi pangkat Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Pesuruhjaya Latihan Negara, Pesuruhjaya Antarabangsa, Pesuruhjaya Program Negara, Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Pesuruhjaya Kebangsaan, Pesuruhjaya Ibu Pejabat Kebangsaan dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri adalah diuruskan oleh Ibu Pejabat Persekutuan.

Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Lain

63. Pencalonan bagi Tauliah-auliah untuk lain-lain pangkat Pesuruhjaya adalah dibuat kepada Ibu Pejabat Persekutuan dengan cara bertulis oleh pencalon atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri menggunakan borang yang disediakan.

Tanggungjawab Semua Pesuruhjaya

63A. Semua pelantikan Pesuruhjaya Pengakap adalah melalui Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dan semua Pesuruhjaya Pengakap adalah bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara bagi menjalankan semua tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

63B. Semua Pesuruhjaya Pengakap adalah bertanggungjawab bagi menentukan penggunaan Peraturan-Peraturan ini dengan berkesannya dan semua perkara Dasar yang ditentukan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara dari masa ke semasa mengikut kuatkuasa yang diberi kepadanya dalam Peraturan-Peraturan ini dan oleh Perlembagaan serta Akta Perbadanan Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia.

PENCALONAN BAGI PEMIMPIN DALAM KUMPULAN

Pencalonan Bagi Pemimpin Dalam Kumpulan

64. Pencalonan bagi Tauliah untuk Pemimpin dalam Kumpulan adalah dibuat bersama oleh Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Pengakap Daerah mengikut peraturan yang disediakan di dalam Peraturan-Peraturan berikut.

Pencalonan Kumpulan Terbuka

65. Pemohon-pemohon bagi Tauliah sebagai Pemimpin dalam Kumpulan hendaklah terlebih dahulu dicalonkan kepada Majlis Pengakap Daerah oleh seorang ahli Majlis Pengakap Daerah atau sesiapa orang kenamaan, yang kenal kepada pemohon yang tersebut dan bertanggungjawab atas kelakuan dan kesesuaian keseluruhannya.

Pencalonan Kumpulan Dianjur

66. Dalam hal permohonan bagi Pemimpin yang Kumpulannya dianjurkan (lihat Peraturan-Peraturan 179-180) pencalonan hendaklah dibuat oleh Kuasa Penganjur sebagaimana dalam Peraturan 180 (4).

Pencalonan - Makluman Kepada Pesuruhjaya Daerah

67. Majlis Pengakap Daerah mestilah dengan serta-merta memberitahu Pesuruhjaya Daerah atas sebarang pencalonan.

Tempoh Percubaan Bagi Pemimpin Dalam Kumpulan

68. Pencalonan bagi Tauliah sebagai Pemimpin dalam Kumpulan mestilah menjalani tempoh percubaan selama tiga bulan dalam pangkat bagi Tauliah yang dikehendaki itu. Satu Tauliah Sementara akan dikeluarkan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dan dalam tiap-tiap satu pengeluaran pemberitahu dihantar kepada Ibu Pejabat Persekutuan tujuh hari sebelum ianya dikeluarkan. Tauliah Sementara yang seumpama itu berjalan kuatkuasa selama tempoh hanya tiga bulan dari tarikh pengeluarannya.

Tugas Majlis Pengakap Daerah

69. Majlis Pengakap Daerah mesti berpuas hati dalam tiap-tiap pencalonan bahawa pemohon itu layak dengan sebab baik kelakuan, latar-belakang dan boleh dipercayai untuk menjaga ahli-ahli, dan khususnya:-

- (1) Kelayakan yang dikehendaki oleh Peraturan berhubung dengan pangkat yang dimaksudkan.
- (2) Penuh menghargai tujuan agama dan moral secocok dengan dasar berpengakap.
- (3) Pendirian dan kelakuan yang boleh memberi pengaruh moral yang baik dan ketabahan bagi menjalankan tugas dengan giat dan berterusan.
- (4) Sedia melapangkan masa kepada sebarang kemudahan yang diberi untuk berlatih sesuai dengan kerjanya.
 - (a) Pemimpin Kumpulan
 - (i) Ada pengetahuan am dalam menjalankan Kumpulan Pengakapnya serta tahu mentadbir dan mengurus Kumpulan.
 - (ii) Boleh mendapatkan tempat yang sesuai untuk mengadakan mesyuarat Pengakap.
 - (iii) Berumur sesuai baginya boleh menjalankan kerja dengan sempurna.
 - (b) Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak dan Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak
 - (i) Ada pengetahuan am dalam Berpengakap.
 - (ii) Umur bagi Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak tidak kurang daripada 20 tahun; bagi Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak tidak kurang daripada 18 tahun.
 - (c) Pemimpin Pengakap dan Penolong Pemimpin Pengakap Muda
 - (i) Ada pengetahuan am dalam Berpengakap.
 - (ii) Umur bagi Pemimpin Pengakap Muda tidak kurang daripada 20 tahun; bagi Penolong Pemimpin Pengakap Muda tidak kurang daripada 18 tahun.

- (d) Pemimpin Pengakap Remaja dan Penolong Pemimpin Pengakap Remaja
 - (i) Ada pengetahuan am dalam Berpengakap.
 - (ii) Umur bagi Pemimpin Pengakap Remaja tidak kurang daripada 20 tahun; bagi Penolong Pemimpin Pengakap Remaja tidak kurang daripada 18 tahun.
 - (iii) Pemimpin Kumpulan menjalankan tugas sebagai Pemimpin dalam unit-unit Kumpulannya.
- (e) Pemimpin Pengakap Kelana dan Penolong Pemimpin Pengakap Kelana
 - (i) Ada pengetahuan am dalam Berpengakap.
 - (ii) Mempunyai pengetahuan tentang masyarakat sekeliling dan boleh memberi perkhidmatan untuk ahli-ahlinya.
 - (iii) Mempunyai pendirian, kelakuan dan pengalaman hidup yang membolehkan dia mengetuai belia-belua dan faham atas dasar-dasar kepimpinan yang terlibat di dalamnya.
 - (iv) (Disimpan)
 - (v) Berumur sesuai baginya boleh menjalankan kerja dengan sempurna. Pesuruhjaya Daerah dan Majlis Pengakap Daerah adalah diharapkan menimbang dengan telitinya atas kesesuaian Pemohon berhubung dengan ini, dan terutama dalam hubungan umur ahli-ahli Pasukannya. Dalam keadaan biasa permohonan bagi tauliah untuk pangkat ini tidak boleh diedarkan bagi Pemimpin Pengakap Kelana di bawah umur 26 tahun atau Penolong Pemimpin Pengakap Kelana di bawah umur 26 tahun.
- (f) (Disimpan)
 - (i) (Disimpan)
 - (ii) (Disimpan)
 - (iii) (Disimpan)
 - (iv) (Disimpan)
 - (v) (Disimpan)

Persetujuan Pemimpin Kumpulan

70. (Disimpan)

Kerja Pesuruhjaya Daerah

71. (Disimpan)

Pengawasan Khas

72. Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah bertanggungjawab kepada ibubapa dan mestilah berwaspada bagi menentukan bahawa tidak seorang pun yang disyaki mempunyai kelakuan buruk dan mempunyai rekod jenayah dibenarkan menjadi ahli Persekutuan.

73. (i) (Disimpan)

(ii) (Disimpan)

(iii) (Disimpan)

Borang PPM-4A

74. Apabila kedua-dua Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah telah berpuas hati, perakuan boleh dibuat kepada Ibu Pejabat Persekutuan dalam borang PPM-4A dan hendaklah ditandatangani oleh pencalon, Setiausaha Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah. Setiausaha Majlis Pengakap Daerah akan mengirimkannya kepada Ibu Pejabat Negeri setelah tamat tempoh percubaannya dan Ibu Pejabat Negeri akan menghantarkannya ke Ibu Pejabat Persekutuan bagi pengeluaran Tauliah.

Penolakan

75. Apabila perakuan itu ditolak oleh sebab orang itu tidak sesuai atau tidak layak bagi menjaga kanak-kanak, suatu laporan mestilah dihantar oleh Setiausaha Majlis Pengakap Daerah melalui Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri kepada Ibu Pejabat Persekutuan.

Pembatalan

76. Tauliah-Tauliah dibatalkan seperti berikut:-

(1) Tauliah Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Tauliah Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Tauliah Pesuruhjaya Antarabangsa, Tauliah Pesuruhjaya Latihan Negara, Tauliah Pesuruhjaya Program Negara, Tauliah Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara, Tauliah Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Tauliah Pesuruhjaya Ibu Pejabat Negara dan lain-lain Tauliah Pesuruhjaya oleh Ketua Pengakap Negara.

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

Kumpulan-Kumpulan Yang Dianjur

77. Berkenaan dengan satu Kumpulan yang dianjurkan, Kuasa Penganjur adalah berhak didengar oleh Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah dalam sebarang perkara berhubung dengan pembatalan Tauliah sebarang Pemimpin dalam Kumpulan itu.

Pengembalian Kepada Pemegang

78. (Disimpan)

PENGGANTUNGAN

Kuasa Penggantungan

79. (1) Di mana nampaknya perlu bagi faedah Pergerakan, Pemegang Tauliah boleh digantung perkhidmatannya seperti berikut:-

oleh Ketua Pengakap Negara:

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara

oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara setelah berbincang dengan Ketua Pengakap Negara:

Timbalan-Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
Pesuruhjaya Antarabangsa
Pesuruhjaya Latihan Negara
Pesuruhjaya Program Negara
Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara
Ketua-Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri
Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Ibu Pejabat Negara
Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Lain di peringkat Negara

oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri:

Pesuruhjaya-Pesuruhjaya
Pemimpin-Pemimpin di peringkat Negeri

(2) (Disimpan)

Akibat Penggantungan

80. Seseorang yang telah digantung perkhidmatannya dengan serta-merta Tauliah dan pangkatnya adalah tergantung buat sementara, dan tidak dibenarkan menjalankan serta menyertai dalam sebarang aktiviti berkaitan Pengakap. Sebarang jawatan atau pangkat yang dipegang oleh orang semacam itu adalah dianggap kosong buat sementara.

Laporan Atas Penggantungan

81. Ketua Pengakap Negara atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau seseorang Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri yang telah menggantung mana-mana Pesuruhjaya dan Pemimpin dalam bidang kuasanya hendaklah dengan segera membuat laporan penuh atas perkara itu kepada Ibu Pejabat Persekutuan.

82. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Penyiasatan

83. (1)(Disimpan)

(2) Orang yang digantung itu mestilah diberitahu secara bertulis untuk hadir di dalam mesyuarat dan diberi peluang untuk membela diri.

(3) Jika sesuatu Kumpulan yang dianjurkan itu terlibat, Kuasa Penganjur mestilah diberi peluang yang sama seperti Perkara 83(2).

(4) Satu Lembaga disiplin dan tata tertib hendaklah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh seorang yang dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dan dua orang ahli berkecuali yang dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara atau Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri. Keputusan mesyuarat lembaga ini hendaklah dimaklumkan segera kepada Ibu Pejabat Persekutuan.

(5) (Disimpan)

Pemberhentian

84. Selepas penyiasatan di bawah Peraturan 83(4), penggantungan itu mestilah ditarik balik, atau suatu perakuan bagi membatalkan Tauliah dengan laporan penuh hendaklah diedarkan kepada Ibu Pejabat Persekutuan oleh Pengerusi Lembaga Disiplin dan Tata tertib mengikut keadaan perkara itu.

PEMULANGAN TAULIAH

Pemulangan Tauliah Kepunyaan Ibu Pejabat Persekutuan

Peringkat Negara

85. Semua Tauliah adalah hak kepunyaan Ibu Pejabat Persekutuan dan hendaklah dipulangkan kepada mana-mana kakitangan Ibu Pejabat Persekutuan yang akan merekodkan penerimaan pada bila-bila masa diminta dengan tidak payah Ibu Pejabat Persekutuan menyatakan sebarang sebab.

Peringkat Negeri Dan Daerah - Peraturan

86. Tauliah-Tauliah mestilah dipulangkan oleh pemegang-pemegang sama ada dituntut atau tidak, seperti berikut:-

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri - terus kepada Ibu Pejabat Persekutuan.

Pesuruhjaya-Pesuruhjaya di peringkat Negeri dan Daerah - kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri

Pemimpin-Pemimpin dalam Kumpulan - kepada Pesuruhjaya Daerah dan seterusnya kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri untuk dihantarkan kepada Ibu Pejabat Persekutuan.

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

Laporan Oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri

87. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri pada masa memulangkan Tauliah kepada Ibu Pejabat Persekutuan atas sebarang sebab mestilah menyatakan sebabnya.

Laporan Oleh Pesuruhjaya Pengakap Daerah

88. Pesuruhjaya Pengakap Daerah pada masa memulangkan Tauliah kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri atas sebarang sebab mestilah menyatakan sebabnya.

Perselisihan Di Antara Majlis Pengakap Daerah Dan Pesuruhjaya Pengakap Daerah

89. Jika dalam sebarang soalan berhubung dengan Tauliah, Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Pengakap Daerah tidak boleh mencapai persetujuan, perkara itu mestilah dirujuk kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri yang akan membuat keputusan dan,

jika nampaknya bahawa orang itu tidak dikehendaki atau telah gagal dalam memberi perkhidmatannya dengan sempurna, dia akan melaporkan keputusannya kepada Ibu Pejabat Persekutuan.

PERTUKARAN DAN PERUBAHAN JAWATAN

Perubahan Jawatan

90. (1) Di mana seorang Pemimpin berubah pangkat dalam Kumpulan yang sama, atau menyandang jawatan dengan Kumpulan yang lain atau Majlis Pengakap Daerah yang lain atau Negeri, perkara ini mestilah dianggap sebagai pembatalan di atas Tauliah yang terdahulunya, yang mana mestilah dipulangkan bagi tujuan itu. Permohonan bagi pengeluaran Tauliah yang baru dibuat dengan cara biasa.

Pertukaran

(2) Sebarang pertukaran alamat hendaklah dimaklumkan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri kepada Ibu Pejabat Persekutuan.

BAHAGIAN IV

PERTUBUHAN NEGERI

Negeri Pengakap

91. Kawasan Negeri berkenaan dengan Pengakap biasanya mengikut sempadan Negeri-Negeri tetapi jika diperlukan Negeri, Bahagian atau Wilayah, Daerah dan Kumpulan yang terlibat, sempadan-sempadan Negeri boleh ditubuhkan oleh Ketua Pengakap Negara dengan persetujuan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri yang berkenaan setelah berunding dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

Undang-Undang Kecil

91A. Majlis Pengakap Negeri hendaklah menggunakan Undang-Undang Kecil yang sedia ada dan telah termaktub di negeri masing-masing. Sebarang pindaan dan perubahan yang dibuat mestilah mendapat persetujuan Ketua Pengakap Negara sebelum boleh dikuatkuasakan.

YANG DI PERTUA MAJLIS PENGAKAP NEGERI

Yang Dipertua - Pelantikan

92. Yang di Pertua Majlis Pengakap Negeri dilantik oleh Ketua Pengakap Negara mengikut cadangan Majlis Pengakap Negeri.

Pangkat Yang Dipertua Majlis Pengakap Negeri

93. (Disimpan)

Tugas-Tugas

94. Tugas-tugas Yang di Pertua Majlis Pengakap Negeri ialah menggalakkan kebajikan dan kemajuan Pergerakan dalam Negeri dengan bekerjasama dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dan mengetuai mesyuarat-mesyuarat penuh Majlis Pengakap Negeri.

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

95. (Disimpan)

KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri - Pelantikan

96. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri adalah dilantik oleh Ketua Pengakap Negara atas perakuan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara setelah dicadangkan oleh Majlis Pengakap Negeri. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri diberi tauliah yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Persekutuan mengikut Bahagian III.

Tugas

97. Tugas Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dalam Negerinya adalah pada keseluruhannya bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara mengenai keahlian, kebajikan, kemajuan, dan latihan Persekutuan dan mengekalkan Perlembagaan dan Peraturan-Peraturan Persekutuan, khususnya:-

- (1) Memajukan pertubuhan dan pekerjaan Majlis Pengakap Negeri dengan berkesan.
- (2) Bertindak bersama-sama dengan Majlis Eksekutif Pengakap Negeri atas semua perkara bersabit dengan kewangan dan harta Majlis Pengakap Negeri.
- (3) Mendapatkan khidmat individu yang layak dilantik sebagai Pesuruhjaya dan menguruskan tauliah mereka sebagaimana yang ditentukan dalam Bahagian III.
- (4) Memajukan pertubuhan dan perjalanan Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah dengan berkesan, dan menguruskan berkenaan dengan pendaftarannya mengikut bagaimana Peraturan-Peraturan 132-135, dan menerima daripada Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah, tidak lewat daripada 31 Mac pada tiap-tiap tahun bersama salinan Laporan Tahunan.
- (5) Memberi, mengikut kebijaksanaannya, sehingga 31 Mac berikut, pangkat kehormat yang serupa kepada seorang Pesuruhjaya yang menyerahkan tauliahnya, dengan kuasa boleh membaharui dari setahun ke setahun.

(Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri boleh, jika hendak, mengeluarkan Surat Pelantikannya sendiri kepada Pesuruhjaya Kehormat, tetapi Tauliah yang rasmi atau sijil tiada dikeluarkan).
- (6) Menguruskan berkenaan dengan Anugerah-Anugerah di bawah Bahagian VIII.
- (7) Menjalankan, atau dengan secara lain mengaturkan mengikut bagaimana Peraturan 126, perjalanan tugas Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah, Pesuruhjaya Kawasan dan Pesuruhjaya Daerah.
- (8) (Disimpan)

- (9) (Disimpan)
- (10) Bekerjasama dan mengekalkan perhubungan yang baik dengan Persaudaraan Pengakap B.P, Persaudaraan Pengakap Raja dan pertubuhan-pertubuhan lain dalam Negeri.

Kekosongan

98. Apabila jawatan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri kosong, tugas-tugasnya hendaklah dijalankan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dengan persetujuan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara. atau oleh seorang yang diwakilkan olehnya untuk menjalankan tugas-tugas itu.

Pakaian seragam Dan Lencana-Lencana

99. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri memakai pakaian seragam bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

TIMBALAN DAN PENOLONG KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI, BAHAGIAN ATAU WILAYAH, KAWASAN DAN DAERAH

Pelantikan

100. (1) Timbalan dan Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri, Bahagian atau Wilayah, Kawasan dan Daerah adalah dilantik oleh Ibu Pejabat Persekutuan dengan Tauliah mengikut sebagaimana dalam Bahagian III.

Tugas-Tugas

(2) Jawatan-jawatan itu diadakan untuk menolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dalam perkara-perkara yang berikut:-

- (a) kerja-kerja am bagi seluruh Negeri.
- (b) melatih Pemimpin-Pemimpin Pengakap mengikut Peraturan 104.

Pesuruhjaya Kawasan – Pelantikan

101. (1) (Disimpan)

Tugas-tugas

(2) (Disimpan)

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

102. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri memakai pakaian seragam bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

TIMBALAN-TIMBALAN KETUA KEM DAN KETUA-KETUA AKELA**Timbalan Ketua Kem, Ketua Akela, Penolong**

103. (Disimpan)

Pesuruhjaya Latihan Negeri

104. Seseorang yang dipilih daripada kalangan Penolong-Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri boleh dilantik sebagai Pesuruhjaya Latihan Negeri.

Pelantikan

105. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Ibu Pejabat PBBPM - Sijil Kehormat

106. (Disimpan)

Tugas-Tugas

107. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Pakaian Seragam Dan lencana-Lencana

108. Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri memakai pakaian seragam bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

MAJLIS PENGAKAP NEGERI

Majlis Pengakap Negeri

109. (1) Dalam tiap-tiap sebuah Negeri, sebuah Majlis Pengakap Negeri hendaklah ditubuhkan dan didaftarkan. Semua Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah, Kawasan dan Daerah hendaklah didaftarkan dalam Negeri.

Undang-Undang Kecil

(2) Undang-Undang Kecil hendaklah digunakan oleh Majlis Pengakap Negeri.

Tugas

110. Tugas-tugas Majlis Pengakap Negeri adalah:-

- (1) Memajukan kebajikan Pergerakan dalam Negeri itu dan mengaturkan kerjasama yang tenteram di antara Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah, Kawasan dan Daerah yang didaftarkan dalam Negeri itu.
- (2) Bekerjasama dengan pertubuhan belia dalam Negeri.
- (3) Bertindak bersama-sama dengan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dalam semua perkara berkenaan dengan kewangan dan harta Negeri mengikut peraturan-peraturan dalam Bahagian II Seksyen V Peraturan-Peraturan ini.
- (4) Menubuhkan Majlis Eksekutif Pengakap Negeri, Jawatankuasa Kewangan dan Jawatankuasa Kecil lain yang diperlukan.
- (5) Menghantar Laporan Tahunan ke Ibu Pejabat Persekutuan pada atau sebelum 28 Februari setiap tahun.

PERLANTIKAN ANGGOTA

Pengerusi

111. (1) Pengerusi Majlis Pengakap Negeri dipilih pada tiap-tiap dua tahun oleh Majlis Pengakap Negeri. Dia tidak boleh menjadi atau menyambung menjadi seorang Pemimpin Pengakap

(2) Satu Sijil Jawatan yang tidak Bertauliah yang ditandatangani oleh Ketua Pengakap Negara dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Persekutuan.

Bendahari

112. (1) Bendahari dipilih pada setiap dua tahun sekali dalam Mesyuarat Agung Majlis Pengakap Negeri.

(2) Jawatan itu tidak boleh disatukan dengan jawatan Setiausaha Majlis Pengakap Negeri.

(3) Satu Sijil Jawatan yang tidak Bertauliah yang ditandatangani oleh Ketua Pengakap Negara dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Persekutuan.

Tugas

113. Bendahari akan bertindak mengikut kehendak Dasar Kewangan Persekutuan sebagaimana dinyatakan dalam Bahagian II Seksyen V Peraturan-Peraturan ini dan akan menerima semua wang bagi pihak Majlis Pengakap Negeri, dan akan menyimpan semua kira-kira mengikut cara yang telah dipersetujukan. Bendahari tidak boleh membayar sebarang wang melainkan telah dibenarkan oleh seorang atau orang-orang yang telah dilantik oleh Majlis Pengakap Negeri kerana tujuan itu.

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

114. Bendahari memakai pakaian seragam bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

Setiausaha

115. (1) Setiausaha dilantik pada setiap dua tahun dalam Mesyuarat Majlis Pengakap Negeri.

(2) Jawatan itu tidak boleh disatukan dengan jawatan Bendahari Majlis Pengakap Negeri.

(3) Ibu Pejabat Persekutuan hendaklah diberitahu dengan tidak berleengah lagi sebarang pertukaran nama dan/atau alamat Setiausaha.

(4) Satu Sijil Jawatan yang tidak Bertauliah ditandatangani oleh Ketua Pengakap Negara dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Persekutuan.

116. (Disimpan)

Tugas

117. Tugas Setiausaha Kehormat adalah seperti berikut:-

- (1) Bertindak sebagai Setiausaha kepada Majlis Pengakap Negeri dan membantu Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dalam hal pentadbiran.

- (2) Mendaftarkan Pengakap Berseorangan mengikut sebagaimana Peraturan 200(1).
- (3) Menjalankan kerja-kerja lain yang akan diberi kepadanya oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri atau Majlis Pengakap Negeri.

Jawatan Bergaji

118. Di mana kedudukan kewangan Majlis Pengakap Negeri itu mengizinkan maka bolehlah diwujudkan kakitangan yang bergaji, tetapi persetujuan Ibu Pejabat Persekutuan hendaklah diperolehi sebelum daripada jawatan itu diwujudkan.

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

119. Setiausaha Kehormat memakai pakaian seragam bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

PERSELISIHAN DI ANTARA KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGERI DENGAN MAJLIS PENGAKAP NEGERI

Perselisihan

120. Jika Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dan Majlis Pengakap Negeri tidak dapat bersetuju dalam sebarang perkara, perkara itu mestilah dirujuk kepada Ibu Pejabat Persekutuan dengan segera oleh kedua-dua pihak.

BAHAGIAN V

PERTUBUHAN BAHAGIAN ATAU WILAYAH DAN DAERAH

Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah Pengakap - Rancangan Am

121. Negeri itu adalah dibahagikan kepada:

- (1) Negeri-Negeri di semenanjung, dibahagikan kepada daerah-daerah Pengakap
- (2) Negeri di Sabah, dibahagikan kepada bahagian-bahagian, kawasan-kawasan dan daerah-daerah Pengakap
- (3) Negeri di Sarawak, dibahagikan kepada wilayah-wilayah dan daerah-daerah Pengakap,

Keluasan Dan Sempadan

122. (1) Keluasan dan sempadan-sempadannya ditentukan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dengan berunding dengan Ibu Pejabat Persekutuan.

- (2) (Disimpan)

Perselisihan atau Krisis

123. Jika berlaku perselisihan atau krisis antara Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dengan Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah atau Pesuruhjaya Daerah dengan Majlis Pesuruhjaya Daerah atau seumpamanya perkara itu hendaklah dirujuk kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri yang akan membuat penyelesaian dan melaporkannya kepada Ibu Pejabat Persekutuan.

PESURUHJAYA PENGAKAP BAHAGIAN ATAU WILAYAH, KAWASAN DAN DAERAH

Pelantikan

124. Pesuruhjaya Pengakap Bahagian atau Wilayah, Kawasan dan Daerah adalah dilantik oleh Ibu Pejabat Persekutuan atas cadangan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri sebagaimana dalam Peraturan 63 dan 63(a).

Tugas

125. Tugas Pesuruhjaya Pengakap Bahagian atau Wilayah, Kawasan dan Daerah adalah pada keseluruhannya, bertanggungjawab kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dan kepada Ibu Pejabat Persekutuan dengan kerjasama Majlis Pengakap Bahagian dan Daerah

bagi kebajikan dan kemajuan Pergerakan serta mengekalkan Perlembagaan dan Peraturan-Peraturan Persekutuan, khususnya:-

- (1) Mengada dan menggalakkan penubuhan Majlis-Majlis Pengakap Daerah, Kumpulan-Kumpulan dan Cawangan-Cawangan Persaudaraan Pengakap B.P., Persaudaraan Pengakap Raja dan menentukan perjalanannya dengan berkesan.
- (2) Mengadakan kerjasama yang baik dengan Majlis Pengakap Bahagian dan Daerah, Pemimpin dan Jawatankuasa Kumpulan dalam Bahagian dan Daerah itu.
- (3) Menyelesaikan sebarang perselisihan dan krisis di antara ahli-ahli Pergerakan. Sebarang perselisihan dan krisis yang Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah, Kawasan dan Daerah tidak dapat menyelesaikan pada awal-awal lagi, atau di mana dia sendiri terlibat, mestilah dirujuk kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri.
- (4) Menyelia latihan Pemimpin dan program Pengakap.
- (5) Selalu melawat Kumpulan-Kumpulan dan menasihati bagaimana hendak menjalankannya mengikut garisan panduan yang ditentukan.
- (6) Menentukan kelayakan pemakaian sebarang lencana kepandaian dan kemajuan dan berkuasa menarik balik lencana tersebut jika didapati tidak layak.
- (7) Menjalankan, bagaimana yang telah ditentukan, atas semua perkara yang telah diberikan kepadanya di bawah Peraturan-Peraturan ini dan, khususnya dengan:-

Tauliah-auliah di bawah Bahagian III.

- (a) Pangkat-pangkat Kehormat dan yang tidak Bertauliah di bawah Peraturan-Peraturan 155-156.
- (b) Pendaftaran-pendaftaran Kumpulan di bawah Peraturan-Peraturan 177-196.
- (c) Keahlian Pengakap di bawah Peraturan-Peraturan 197-200.
- (d) Bintang-bintang dan Anugerah-anugerah di bawah Bahagian VIII.
- (e) Persaudaraan Pengakap B.P. dan Persaudaraan Pengakap Raja di bawah Peraturan-Peraturan dan Dasar berkenaan dengannya.

- (8) (a) Memberi kebenaran berkhemah kepada Pengakap dan Pemimpin dalam Daerahnya.
- (b) Menyelia perkhemahan yang diadakan dalam Daerahnya, sama ada oleh Pengakapnya sendiri atau Pengakap dan Pemimpin yang melawat.
- (9) Mengawal atas semua Pengakap yang melawat sama ada berkhemah atau tidak; jika perlu, melaporkan perkara-perkara itu kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri, siapa akan kelak memberitahu Pesuruhjaya Daerah, Daerah daripada mana Pengakap itu datang jika dalam Negeri yang sama, atau kepada Ibu Pejabat Persekutuan jika datangnya daripada Negeri yang lain.
- (10) (Disimpan)
- (11) (Disimpan)

Kekosongan Jawatan

126. Sekiranya jawatan Pesuruhjaya Daerah itu kosong, Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri boleh memangku sementara jawatan tersebut atau melantik mana-mana Pesuruhjaya dalam Negerinya menjalankan tugas sehingga jawatan itu telah diisi dengan betul.

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

127. Pesuruhjaya Daerah memakai pakaian seragam dan lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII.

PENOLONG PESURUHJAYA DAERAH

Penolong Pesuruhjaya Daerah - Perlantikan

128. Penolong Pesuruhjaya Daerah adalah dilantik oleh Ibu Pejabat Persekutuan dengan Tauliah-Tauliah mengikut dalam Peraturan-Peraturan 63 dan 63A.

Tugas

129. Jawatan-jawatan adalah kerana membantu Pesuruhjaya Daerah dalam perkara-perkara berikut:-

- (1) Tugas-tugas am bagi keseluruh Daerah.
- (2) Tugas-tugas khas, iaitu Pengakap Kanak-Kanak, Pengakap Muda, Pengakap Remaja, Pengakap Kelana, Pengakap Laut, Pengakap Udara, PengakapOrang Kurang Upaya.
- (3) Dalam Tauliah Penolong Pesuruhjaya Daerah hendaklah dinyatakan unitnya.

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

130. Penolong Pesuruhjaya Daerah memakai pakaian seragam dan lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII.

MAJLIS PENGAKAP BAHAGIAN ATAU WILAYAH DAN DAERAH

Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah - Kawasan

131. (1) Kawasan dan sempadan-sempadan Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah adalah seperti Peraturan 121 dan 122 (1).

(2) (Disimpan)

Pendaftaran

132. (1) Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah adalah didaftarkan dan sijil pendaftarannya dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Persekutuan, mengikut pertimbangannya, atas perakuan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri setelah berunding dengan Pesuruhjaya Daerah.

(2) Selepas mesyuarat penubuhan Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah yang baru secara rasmi, tiga salinan Borang RS(b)A dan HS(b) hendaklah dipenuhi dan ditandatangani oleh Setiausaha yang telah dilantik dan Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dan Daerah. Borang-Borang tersebut hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat Persekutuan melalui Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri.

(3) Selepas mendapat kelulusan daripada Ibu Pejabat Persekutuan, satu Tauliah bagi Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah akan dikeluarkan dan dikirim kepada Ibu Pejabat Negeri atau Setiausaha Majlis Pengakap Negeri Majlis Pengakap Negeri akan menyimpan satu salinan dan satu salinan lagi dihantar kepada Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah untuk disimpan.

(4) Gelaran yang penuh yang akan digunakan oleh Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah untuk semua tujuan dengan tiada kecualian ialah "Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia Bahagian atau Wilayah atau Daerah (Nama Tempat)".

Pembatalan

133. Pendaftaran Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah boleh dibatalkan, dan Tauliahnya ditarik balik oleh Ibu Pejabat Persekutuan atas perakuan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri setelah berunding dengan Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dan Daerah.

Penggantungan

134. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri boleh menggantung sebarang Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah sementara menunggu pertimbangan oleh Ibu Pejabat Persekutuan atas perakuannya bagi membatalkan pendaftarannya.

Keahlian

135. Dalam tempoh penggantungan semua tugas Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah itu hendaklah diberhentikan mengikut Peraturan-Peraturan 79, 80, 189 dan 192.

Yang Dipertua

136. Jika dikehendakkan, seorang Yang di Pertua bagi Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah boleh dilantik oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri atas kebijaksanaan dan akan berkhidmat bagi tempoh dua tahun. Jawatan itu berpangkat sebagai Pesuruhjaya Kehormat dan Surat Pelantikan ditandatangani oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri.

Tugas

Tugas Yang di Pertua Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah itu ialah menggalakkan kebajikan dan kemajuan Pergerakan dalam kawasan Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah dengan bekerjasama dengan Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dan Daerah.

Keahlian Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah

137. Keahlian Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah hendaklah mengikut bagaimana Undang-Undang Kecil Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah yang telah diluluskan.

Tugas

138. Tugas Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah selain daripada menolong Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dan Daerah jika dia berkehendakkan adalah:-

- (1) Menjaga, menyokong dan menggalakkan Pergerakan dalam kawasannya.
- (2) Melaksanakan tugas yang telah diberikan kepadanya mengikut Perlembagaan dan Peraturan-Peraturan mengenai:-
 - (a) Tauliah-tauliah di bawah Bahagian III.
 - (b) Pangkat-pangkat yang tidak Bertauliah dan Kehormat di bawah Peraturan-Peraturan 155-156 dan Persaudaraan Pengakap B.P. serta Persaudaraan Pengakap raja.

- (c) Pendaftaran Kumpulan di bawah Peraturan-Peraturan 177-196.
 - (d) Keahlian Pengakap di bawah Peraturan-Peraturan 197 - 200.
 - (e) Bintang dan Anugerah di bawah Bahagian VIII.
- (3) Menentukan akan pemakaian dengan berkesannya Dasar Kewangan Persekutuan mengikut sebagaimana Bahagian II Seksyen V, memungut dan mentadbirkan kewangan dengan cara yang betul, menyelia akan hal kewangan Kumpulan, pelantikan Jawatankuasa Kumpulan mengikut bagaimana Peraturan-Peraturan 202- 206.
- (4) Bertanggungjawab bagi mengada dan mengeluarkan semua lencana kemajuan dan kepandaian mengikut sebagaimana Peraturan-Peraturan lencana Kemajuan dan Kepandaian yang tertentu.

Mesyuarat Tahunan

139. Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah itu akan mengadakan Mesyuarat Tahunannya selepas 1 Januari tetapi sebelum 31 Mac pada tiap-tiap tahun, di mana perkara-perkara yang berikut akan dibincangkan:-

- (1) Pengesahan Laporan Tahunan dan Kewangan yang telah diperiksa dan senarai harta, hendaklah dihantar kepada Majlis Pengakap Negeri dan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dengan segera.
- (2) Memilih ahli Majlis Eksekutif Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah untuk tahun berikutnya.
- (3) Menimbangkan semua pelantikan bagi orang-orang yang akan menyandang pangkat kehormat mengikut di bawah Peraturan-Peraturan 155-166.

Pengerusi

140. (1) (Disimpan)
- (2) Pengerusi Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah itu akan juga menjadi Pengerusi Majlis Eksekutif Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah.
- (3) Pengerusi itu tidak boleh menjadi seorang Pemimpin.
- (4) Pengerusi itu diberi sijil perakuan oleh Ibu Pejabat Persekutuan dan beliau boleh dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehormat oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri.
- (5) Dia boleh memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama, atau jika dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehormat mengikut sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama juga.

Bendahari

141. (1) Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah dalam Mesyuarat Tahunannya akan memilih seorang Bendahari yang tidak boleh menjadi seorang Pemimpin.

(2) Jawatan itu tidak boleh disatukan dengan Jawatan Setiausaha Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah.

(3) Bendahari juga diberi Sijil Perakuan oleh Ibu Pejabat Persekutuan.

(4) Dia boleh memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

Setiausaha

142. (1) Pengerusi Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah dalam Mesyuarat Tahunannya akan melantik seorang Setiausaha yang tidak boleh menjadi seorang Pemimpin.

(2) Jawatan itu tidak boleh disatukan dengan jawatan Bendahari Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah.

(3) Ibu Pejabat Persekutuan dan Majlis Pengakap Negeri hendaklah sentiasa dimaklumkan nama dan alamat Setiausaha Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah dan sebarang perubahan.

(4) Setiausaha Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah itu diberi Sijil Perakuan oleh Ibu Pejabat Persekutuan.

(5) Dia boleh memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

Majlis Eksekutif Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah

143. (1) Majlis Eksekutif Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah itu akan dipilih dalam Mesyuarat Tahunan.

(2) Majlis Eksekutif Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah itu akan ditubuhkan mengikut bagaimana Undang-Undang Kecil Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah yang telah dipersetujui.

(3) Cukup bilang dan tempoh bagi memberitahu mesyuarat Majlis Eksekutif Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah itu akan ditentukan dalam Undang-Undang Kecil; tertakluk kelak, Majlis Eksekutif Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah akan membuat ketentuannya sendiri bagi mengadakan mesyuarat-mesyuarat bagi menjalankan perkara-perkara di dalamnya.

144. Majlis Eksekutif Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah boleh menjalankan semua tugas Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah kecuali berkenaan dengan menerima atau mengubah Undang-Undang Kecil dan perkara-perkara yang ditentukan oleh Peraturan 139.

Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil

145. (1) Majlis Eksekutif Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah boleh melantik Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil bagi mengelolakan kewangan, lencana-lencana dan perkara-perkara lain

(2) Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil tersebut adalah bertanggungjawab kepada Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah.

(3) (Disimpan)

Jawatankuasa Pengakap Laut

146. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Kerja-Kerja Jawatankuasa Pengakap Laut

146A. (Disimpan)

Peraturan-Peraturan Tempatan

(1) (Disimpan)

Sijil-Sijil Bot

(2) (Disimpan)

Sijil Penjaga

(3) (Disimpan)

Pengesahan

(4) (Disimpan)

Pendaftaran

(5) (Disimpan)

Sila rujuk kepada Buku Peraturan Pengakap Laut.

UNDANG-UNDANG KECIL MAJLIS PENGAKAP BAHAGIAN ATAU WILAYAH DAN DAERAH

Contoh Undang-Undang Kecil

147. (1) Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah mesti apabila didaftarkan memakai Undang-Undang Kecil. Tiga salinan contoh Undang-Undang Kecil (Borang HS(b)A) sebagaimana ditunjukkan dalam Lampiran “B” mesti diedarkan, selepas dipersetujui oleh Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dan Daerah kepada Setiausaha Majlis Pengakap Negeri, siapa akan, selepas dipersetujui oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri, mengedarkannya kepada Ibu Pejabat Persekutuan. Undang-Undang Kecil itu dan sebarang pindaan yang berikut kelak mesti dipersetujui oleh Ibu Pejabat Persekutuan sebelum ianya berkuat kuasa.

(2) Perubahan-perubahan tempatan atas Undang-Undang Kecil itu tidak akan diluluskan oleh Ibu Pejabat Persekutuan melainkan ada sebab yang baik diberi bagi mengeluarkannya daripada Contoh (Borang HS(b)A).

Kewangan

148. (1) Majlis Pengakap Daerah akan memungut di tempatnya wang yang dikehendaki kerana belanja-belanja kerjanya, dan kerana menyokong Pergerakan amnya. Yuran-yuran dan derma-derma kerana tujuan ini hendaklah diterima dan disimpan kira-kira oleh Bendahari Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah itu dan bukan oleh sebarang Pemimpin berseorangan. Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah akan menggalakkan Kumpulan-Kumpulan memungut wang untuk membiayai Kumpulan-Kumpulan dan Pergerakan amnya.

(2) Salinan-salinan kira-kira yang telah diperiksa dengan satu jadual harta Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah mesti dikirimkan kepada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dan Setiausaha Majlis Pengakap Negeri dengan serta selepas Mesyuarat Agung Tahunan.

(3) Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah akan menentukan bahawa Dasar Kewangan Persekutuan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II Seksyen V itu diikuti di kedua-dua peringkat Kumpulan-Kumpulan dan Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah.

149. Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah boleh mengikut kebijaksanaan meminta yuran daripada ahli-ahlinya di bawah Peraturan 136 dan daripada semua Kumpulan-Kumpulan yang telah didaftarkan di bawah Peraturan 186.

Harta

150. Adalah menjadi mustahak bahawa harta Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah hendaklah diserahkan milik kepada Wakil Penjaga di bawah Surat Menjaga mengikut kaedah dalam Peraturan 25.

Kekosongan

151. Di mana tiada Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah, Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dan Daerah akan menyatukan tugas-tugas Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah itu dengan tugas-tugasnya sendiri, buat sementara.

152. (Disimpan)

153. (Disimpan)

154. (Disimpan)

Pangkat-Pangkat Yang Tidak Bertauliah

155. Perlantikan-perlantikan yang berikut dibuat oleh Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah dan Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dan Daerah dan adalah diketahui sebagai pangkat-pangkat yang tidak Bertauliah:-

Jurulatih
Penguji

Sebagai tambahan, pangkat yang tidak bertauliah akan dengan sendirinya diberi oleh Ibu Pejabat Persekutuan apabila menerima permohonan bagi:-

Pengerusi Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah di bawah Peraturan 140(4)

Bendahari Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah di bawah Peraturan 141(3)

Setiausaha Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah di bawah Peraturan 142(4)

Pelantikan

156. Pangkat-pangkat ini ada membawa Sijil-Sijil Pelantikan (Borang WC(B) atau WC(C). Peraturan yang hendak diikuti dan ingatan-ingatan yang hendak dipakai, oleh Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah dan Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dan Daerah (termasuk penyiasatan mengikut Peraturan 73) dan di mana kemungkinan timbul, oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dalam semua perkara yang bersangkutan dengannya dan khususnya berkenaan dengan kelayakan-kelayakan am pelantikan itu, penggantungan dan keberhentian adalah sama dalam tiap-tiap satunya sebagaimana kedudukan Pemimpin-Pemimpin melainkan:-

- (1) Pelantikan itu dibuat ditempatnya, berkenaan dengan Jurulatih-jurulatih dan Penguji-penguji, dan satu Sijil Pelantikan Khas (Borang WC(C)) bagi penggunaan Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah dan

Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dan Daerah boleh dapat dibeli daripada Kedai Pengakap di Ibu Pejabat Persekutuan.

- (2) Pemberitahu berkenaan dengan pelantikan dan keberhentian Pengerusi Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah, Bendahari atau Setiausaha dan perubahan-perubahan alamat mesti dikirim kepada Ibu Pejabat Persekutuan dengan tidak berlengah.

Kelayakan-Kelayakan

157. Sebagai tambahan kepada kelayakan-kelayakan am sebagaimana di atas dan kelayakan-kelayakan khas yang telah ditetapkan bagi tiap-tiap pangkat seorang yang akan menerima pangkat yang tidak Bertauliah mesti sekurang-kurangnya berumur 18 tahun.

158. (Disimpan)

Jurulatih

159. Pangkat Jurulatih boleh diberi sebagaimana yang di atas kepada seorang (bukan seorang Pemimpin) siapa ada pengetahuan cekap atas sebarang perkara di mana dia bersedia melatih Pengakap, dan siapa telah sudah pun menjalankannya sekurang-kurangnya tiga bulan lamanya. Pelantikan itu boleh dibuat kerana satu atau lebih Kumpulan atau Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah pada keseluruhannya.

INGATAN: Peraturan ini tidak berkenaan dengan “Jurulatih Pengakap Kanak-Kanak” di bawah Peraturan 225.

Penguji

160. (1) Pangkat Penguji boleh diberi sebagaimana yang di atas kepada seorang (bukan seorang Pemimpin) siapa ada pengetahuan cekap atas sebarang perkara berhubung dengan Lencana Kepandaian Pengakap, di mana dia bersedia menguji Pengakap. Pelantikan itu boleh dibuat kerana satu lebih Kumpulan atau Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah pada keseluruhannya dan bagi lencana-lencana yang ditentukan. Seorang Jurulatih boleh juga dilantik menjadi Penguji.

(2) Seorang Penguji boleh kedua-duanya melatih dan menguji seorang Pengakap kerana sebarang bahagian Lencana-lencana atas permintaan Pemimpin-Pemimpin yang berkenaan.

(3) Di mana tepat perlu, seorang Pemimpin dalam Kumpulan boleh dilantik menjadi Penguji bagi lencana-lencana yang ditentukan tetapi dalam keadaan itu dia tidak boleh menguji Pengakap-Pengakap dalam kumpulannya sendiri. Dalam keadaan itu kerja yang terlibat oleh pelantikan itu jangan sekali-kali mengganggu dalam apa cara pun dengan kerja-kerja dan tanggungjawab Pemimpin itu dalam kumpulannya sendiri.

161. (Disimpan)

162. (Disimpan)

Pengerusi, Bendahari Dan Setiausaha

Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah

163. Pemilihan Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah terpulang kepada Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah sahaja, tetapi Sijil-Sijil Pelantikan kepada Pangkat yang tidak Bertauliah adalah dikeluarkan kepada mereka oleh Ibu Pejabat Persekutuan selepas pengisytiharan pemilihan itu dan nama-nama yang penuh dan alamat-alamat mereka.

Pakaian Seragam dan Lencana-Lencana

164. Orang-orang yang memegang pangkat yang tidak Bertauliah boleh memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

PANGKAT-PANGKAT KEHORMAT

Pangkat-Pangkat Kehormat - Pelantikan Dan Lain-Lain

165. Majlis Pengakap Bahagian atau Wilayah dan Daerah dan Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dan Daerah boleh bersama-sama dalam keadaan yang sesuai memberi pangkat kehormat yang serupa kepada seseorang yang telah berhenti daripada memegang Tauliah sebagai seorang Pemimpin dalam Kumpulan yang tidak memegang sebarang pangkat yang lain sebagai seorang Pemimpin dalam Pergerakan. Tauliah atau Sijil tidak dikeluarkan tetapi jika dikehendakkan Pesuruhjaya Bahagian atau Wilayah dan Daerah boleh menandatangani satu suratnya sendiri memberitahu orang itu atas pelantikannya yang kehormat itu.

Pembaharuan

166. Pangkat yang seumpama itu terbuka untuk disemak pada tiap-tiap tahun pada masa adanya Mesyuarat Tahunan Majlis Pengakap Daerah.

Pakaian Seragam dan Lencana-Lencana

167. Orang-orang yang memegang pangkat kehormat boleh memakai pakaian seragam bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

BAHAGIAN VI

PERTUBUHAN KUMPULAN

Rancangan Am

168. (1) Unit bagi Pertubuhan Pengakap dalam Daerah ialah Kumpulan. Rancangan am bagi pertubuhan Kumpulan-Kumpulan adalah bagaimana dimasukkan dalam carta dalam Lampiran A.
- (2) (Disimpan)

PEMIMPIN KUMPULAN

Pemimpin Kumpulan

169. (1) Apabila sebuah Kumpulan mengandungi lebih dari satu cawangan, maka adalah dikehendaki seorang yang tidak menjaga satu-satu cawangan dilantik sebagai Pemimpin Kumpulan. Dalam hal yang demikian, satu tauliah sebagai Pemimpin Kumpulan bagaimana dalam Bahagian III mestilah dipohonkan atas perakuan Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah.
- (2) Jika ada seorang yang seperti itu, maka Pemimpin yang menjaga salah satu daripada Cawangan-Cawangan dalam Kumpulan itu yang ada kelayakan sekali dari segi tingkah-laku, umur dan pengalaman boleh dipilih oleh Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah untuk menjalankan kerja-kerja Pemimpin Kumpulan tetapi satu Tauliah yang berasingan sebagai Pemimpin Kumpulan tidak perlu dipohon.
- (3) Apabila memilih seseorang di bawah (1) dan (2), Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah hendaklah mengindahkan hak-hak kuasa penganjur sebagaimana dalam Peraturan 66 dan hendaklah juga berunding dengan Majlis Kumpulan.
- (4) Tauliah sebagai Pemimpin Kumpulan tidak boleh dikeluarkan dalam Kumpulan-Kumpulan yang mengandungi satu Cawangan sahaja, dalam mana Pemimpin yang menjaga Cawangan itu akan dianggap sebagai memangku jawatan Pemimpin Kumpulan bagi segala tujuan.

Wanita-Wanita

170. (Disimpan)
- (1) (Disimpan)
- (2) (Disimpan)

171. (Disimpan)

Kelayakan-Kelayakan

172. Kelayakan-kelayakan yang dikehendakkan sebagai Pemimpin Kumpulan ialah bagaimana disebutkan dalam Peraturan-Peraturan 69 dan 69 (a).

Tugas-Tugas

173. Tugas-tugas Pemimpin Kumpulan adalah seperti berikut:-

- (1) Menjalankan pengawasan atas semua Cawangan dalam Kumpulan dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti mereka, dalam pada itu meletakkan sepenuh tanggungjawab tentang pengurusan kepada Pemimpin-Pemimpin yang menjaganya.
- (2) Menjadi Pengerusi dalam Majlis Kumpulan di bawah Peraturan 201(2) dan menggalakkan kerjasama di antara Pemimpin-Pemimpin dalam Kumpulan itu.
- (3) Menubuhkan Jawatankuasa Kumpulan di bawah Peraturan 202 dan sendirinya berkhidmat di dalamnya.
- (4) Menguruskan perkara-perkara berhubung dengan keahlian Pengakap-Pengakap mengikut bagaimana Peraturan-Peraturan 197-199.
- (5) Menentukan bahawa perhubungan adalah sentiasa kekal dengan ahli-ahli Kumpulan yang berkhidmat dalam angkatan tentera.

174. (1) Seorang yang telah dikeluarkan tauliah sebagai Pemimpin Kumpulan boleh, jika dipersetujui oleh Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah menjaga satu Cawangan dalam Kumpulan itu, tetapi tauliah tambahan bagi pangkat itu tidak perlu dipohonkan.

- (2) Pemimpin Kumpulan tidak seharusnya menjaga Pasukan Pengakap Kelana melainkan dia benar-benar ada kelayakan di bawah Peraturan 250.

175. Pemimpin-Pemimpin Kumpulan memakai pakaian seragam bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan-Peraturan di Bahagian yang sama.

KUMPULAN PENGAKAP

Kandungan Dalam Kumpulan

176. Kumpulan yang lengkap mengandungi Pasukan Pengakap Kanak-Kanak, Pasukan Pengakap Muda, Pasukan Pengakap Remaja dan Pasukan Pengakap Kelana, tetapi boleh pada bila-bila masa hanya mengandungi satu atau dua Cawangan sahaja.

Penubuhan

177. Langkah-langkah bagi menubuhkan satu Kumpulan baru tidak boleh diambil melainkan telah mendapat kebenaran sementara daripada Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah.

Pendaftaran

178. Semua Kumpulan mesti didaftarkan di Ibu Pejabat Persekutuan, dan diakui sebagai unit-unit Persekutuan Pengakap dalam masa ianya berdaftar. Ahli-ahli Kumpulan yang tidak didaftarkan yang memakai lencana-lencana atau dengan apa cara pun mengenalkan diri mereka sebagai ahli-ahli Persekutuan boleh didakwa mengikut peraturan-peraturan dalam Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia.

Pendaftaran Kumpulan-Kumpulan Yang Dianjur

179. (1) Badan-badan yang berikut, bersama-sama dengan yang lain-lain yang mungkin dari semasa ke semasa diluluskan bagi tujuan itu oleh Ibu Pejabat Persekutuan adalah berhak memohon pendaftaran khas bagi Kumpulan-Kumpulan yang ditubuhkannya:-

Gereja-gereja dari sebarang mazhab, Universiti-Universiti, Maktab-Maktab dan Sekolah-Sekolah (lihat Peraturan 212), Hospital-Hospital dan Institusi-Institusi, Y.M.C.A., Toc H, Masjid, Surau, Kuil, agensi-agensi kerajaan dan kumpulan-kumpulan lain.

Kuasa Pengajur

(2) Kumpulan-Kumpulan yang didaftarkan sedemikian adalah dikenal sebagai Kumpulan-Kumpulan “dianjur” berlainan daripada Kumpulan-Kumpulan “terbuka”, dan orang atau Jawatankuasa yang dilantik oleh badan yang berkenaan bagi menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan Kumpulan-Kumpulan itu adalah dikenal sebagai “Kuasa Penganjur”.

179A. Atas permohonan untuk mendaftar Kumpulan yang dianjurkan Kuasa Pengajur mesti:-

- (1) Menerima tujuan-tujuan, cara-cara dan dasar Persekutuan bagaimana yang ditentukan dalam buku-buku panduan Pengakap dan P.O.R. dan tugas mencuba menentukan supaya Kumpulan itu berjalan terus.
- (2) Bersetuju menurut syarat-syarat dalam Peraturan 180.
- (3) Merekodkan persetujuan dengan Majlis Pengakap Daerah berkenaan dengan harta mengikut bagaimana Peraturan 205.
- (4) Bersetuju memberikan kepada Pemimpin Kumpulan bantuan yang seberapa boleh baginya menjalankan kerja-kerja yang telah diberikan kepadanya mengikut Peraturan 182.

Akibat Pendaftaran

180. Akibat pendaftaran sebagai Kumpulan yang dianjurkan ialah:-

- (1) Kuasa Penganjur tidak boleh, melainkan telah ditetapkan dalam Peraturan ini, menerima dalam Kumpulan-Kumpulan agama, ahli dari lain agama atau mazhab, atau jika berkenaan dengan Kumpulan-Kumpulan yang ditubuhkan oleh lain-lain badan yang dinyatakan dalam Peraturan 179(1) ahli daripada lain badan yang serupa.

Tidak patuh kepada syarat ini tidak dengan sendirinya menukarkan keadaan pendaftaran itu, tetapi jika disengajakan, akan menjadi sebab yang sah untuk diperakukan kepada Ibu Pejabat Persekutuan oleh Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah supaya pendaftaran itu diubahkan. Jika pada pendapat Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah adalah perlu dibenarkan ahli-ahli yang lain masuk dalam Kumpulan yang dianjurkan itu maka Kumpulan itu mestilah patuh kepada Peraturan 17(2).

- (2) Kuasa Penganjur mendapat hak mencalon orang-orang sebagai Pemimpin-Pemimpin dalam Kumpulan mengikut bagaimana Peraturan 66 dan Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah tidak boleh menimbangkan sebarang orang kerana jawatan itu sehingga telah dicalonkan. Selepas dicalonkan, permohonan itu berjalan mengikut cara biasa bagaimana dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan 67-75.
- (3) Kuasa Penganjur berhak didengar oleh Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah dalam semua perkara penolakan, pengubahan atau pembatalan pendaftaran Kumpulan, pengeluaran, penggantungan, atau pembatalan, tauliah bagi sebarang Pemimpin dalam Kumpulan atau dalam keadaan yang dinyatakan dalam Peraturan 197(3), pembuangan sebarang Pengakap dalam Kumpulan itu.
- (4) Kuasa Pengajur adalah bertanggungjawab dalam beberapa hal di bawah Peraturan 17(1) memberi latihan agama kepada Pengakap-Pengakap, menyokong dan menggalakkan kumpulan dan memperhatikan supaya perkara ini berkekalan. Kuasa Pengajur tiada terlibat dalam perkara latihan Pengakap, di mana Pemimpin Kumpulan adalah bertanggungjawab kepada Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah.

Peraturan Pendaftaran

181. Permohonan untuk mendaftar satu Kumpulan hendaklah dibuat oleh bakal Pemimpin yang menjaga selepas sahaja Cawangannya yang pertama ditubuhkan, sama ada kepada Pesuruhjaya Daerah yang akan memberitahu Majlis Pengakap Daerah atau kepada Setiausaha Majlis Pengakap Daerah yang akan memberitahu Pesuruhjaya Daerah.

182. Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah mestilah masing-masingnya berpuas hati bahawa pendaftaran itu adalah perlu, bahawa Kumpulan itu akan dijalankan

dengan baik, Pemimpin-Pemimpin yang sesuai dan layak ada, dan bakal Pemimpin yang menjaga itu menerima tujuan-tujuan, cara-cara dan dasar Persekutuan, dan bersetuju dengan daya upayanya:-

- (1) menubuhkan Jawatankuasa Kumpulan dengan secepat mungkin, dan tidak lewat daripada tiga bulan selepas daripada tarikh pendaftaran.
- (2) mengembangkan sehingga menjadi satu Kumpulan yang penuh, melainkan keadaan tidak mengizinkan.
- (3) menegaskan tentang keagamaan dalam Pengakap, dan bagaimana nyawa dan perjalanan Kumpulan itu berpandu kepada agama.
- (4) menentukan bahawa semua cawangan dalam Kumpulan itu menerima dengan sepenuhnya latihan Pengakap dalam segi tingkah laku, kesihatan, pertukangan tangan dan khidmat.
- (5) menolong Kumpulan itu mendapatkan Ibu Pejabat yang sesuai dan barang-barang keperluan dan peluang-peluang untuk berlatih.
- (6) bagi Kumpulan yang dianjurkan atau Kumpulan khas daripada sebarang jenis, patuh akan sebarang peruntukan dalam Prosedur, Organisasi dan Peraturan (P.O.R.) mengenai Kumpulan yang tersebut.

183. (1) Apabila kedua-dua Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah telah berpuas hati, perakuan hendaklah dibuat kepada Ibu Pejabat Persekutuan dalam borang CC dengan tiga salinan dan mesti ditandatangani oleh Setiausaha Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah bagi Kumpulan-Kumpulan yang dianjurkan, Borang CC mestilah juga ditandatangani oleh Kuasa Penganjur.

(2) Borang-borang CC dihantar kepada Ibu Pejabat Persekutuan melalui Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri.

(3) (Disimpan)

(4) Di mana perakuan itu ditolak, maka tindakan di bawah Peraturan 196 mungkin menjadi perlu.

184. Setelah didaftarkan satu salinan Borang CC itu disimpan di Ibu Pejabat Persekutuan, sementara satu salinan dihantar kepada Setiausaha Majlis Pengakap Negeri, dan satu salinan lagi kepada Setiausaha Majlis Pengakap Daerah.

Pembaharuan Pendaftaran

185. Pendaftaran hanya berjalan kuatkuasanya sehingga 30 Oktober yang berikut. Jika tidak dibarukan pada tempoh pendaftaran semula tahunan, di bawah Peraturan-Peraturan 44-46, Kumpulan itu terhenti daripada diakui bagaimana dalam Peraturan 47.

Bayaran Pendaftaran Dan Lain-Lain

186. Majlis Pengakap Daerah boleh, jika dikehendaki, mengenakan bayaran pendaftaran yang kecil dan/atau yuran tahunan daripada tiap-tiap Kumpulan.

Perubahan-Perubahan Pendaftaran Dan Pertukaran-Pertukaran

187. Sebarang perubahan yang hendak dibuat berkenaan dengan nama Kumpulan, atau keadaan pendaftaran itu (sebagai terbuka atau dianjur) dan sebarang pertukaran daripada satu Majlis Pengakap Daerah kepada satu Majlis Pengakap Daerah yang lain, hendaklah diuruskan dengan Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah-Pesuruhjaya Daerah yang berkenaan serupa sebagaimana peraturan yang dibuat dalam Borang CC2 dengan tiga salinan, dan jikalau satu Kumpulan itu hendak ditukarkan ke Negeri yang lain maka kedua-dua Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri mestilah mempersetujuinya.

Pembatalan Pendaftaran

188. Pendaftaran satu Kumpulan itu dibatalkan oleh Ibu Pejabat Persekutuan:-

- (1) atas perakuan Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah dihantar jika perlu mengikut Peraturan 196, dan dibuat setelah diadakan mesyuarat Majlis Pengakap Daerah (atau sebuah Jawatankuasa yang dilantik khas) di mana Pemimpin-Pemimpin yang berkenaan dan, jika berkaitan dengan Kumpulan-Kumpulan yang dianjur, Kuasa Penganjur adalah berhak didengar.
- (2) apabila gagal membaharui pendaftaran dalam sebarang tahun mengikut Peraturan 185.
- (3) apabila dibatalkan pendaftaran Majlis Pengakap Daerah mengikut Peraturan 133.

Penggantungan Pendaftaran

189. Satu Kumpulan itu boleh digantung:-

- (1) oleh Pesuruhjaya Daerah yang akan memaklumkan Majlis Pengakap Daerah atas tindakan yang diambilnya.
- (2) oleh Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah mestilah diberitahu dengan serta-merta.
- (3) oleh sebab penggantungan Majlis Pengakap Daerah di bawah Peraturan 134, melainkan jika Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri boleh mengarahkan mana-mana Kumpulan yang tidak digantung dalam masa Majlis Pengakap Daerah itu digantung akan dianggap sebagai Kumpulan Terbuka, di bawah Peraturan 193.

190. Dalam tempoh penggantungan semua aktiviti Kumpulan itu akan berhenti dan, melainkan ditentukan sebaliknya menurut syarat penggantungan itu, semua Pemimpin dalam Kumpulan adalah dengan secara automatik tergantung mengikut kuasa di bawah Peraturan 80, dan ahli-ahli Kumpulan itu tidak boleh memakai pakaian seragam atau lencana-lencana.

191. Penggantungan hendaklah dianggap semata-mata sebagai langkah sementara, dan mestilah diikuti dengan seberapa segera oleh penyiasatan yang penuh oleh Pesuruhjaya Daerah dan Majlis Pengakap Daerah. Pemimpin yang berkenaan, dan jika Kumpulan yang dianjurkan yang terlibat, Kuasa Penganjur hendaklah dimaklumkan atau dibawa dalam mesyuarat serta diberi peluang untuk didengar.

192. Atas keputusan penyiasatan itu, penggantungan itu mestilah ditarik balik, atau satu perakuan bagi membatalkan pendaftaran dan/atau tauliah-auliah sebarang Pemimpin-Pemimpin mestilah dimajukan dengan laporan yang lengkap kepada Ibu Pejabat Persekutuan melalui Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri.

Pendaftaran Kumpulan Terbuka

193. Di mana oleh sebab-sebab yang luar biasa satu Kumpulan tidak boleh dimasukkan dengan mudahnya dalam kawasan sebarang Majlis Pengakap Daerah, ia boleh didaftarkan sebagai Kumpulan Terbuka atas perakuan Pesuruhjaya Daerah dan dipersetujui serta diperakui oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri dalam semua perkara mengenai Kumpulan itu mengikut bagaimana Peraturan 151.

Pendaftaran Unit

194. (1) Penambahan sebarang Unit kepada Kumpulan yang telah sedia didaftarkan berkehendakkan kebenaran yang bertulis daripada Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah. Pendaftaran tidak perlu lagi tetapi Ibu Pejabat Persekutuan mestilah diberitahu akan tambahan itu.

(2) Penubuhan satu Pasukan Pengakap Remaja adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam Peraturan 247.

(3) Penubuhan satu Pasukan Pengakap Kelana adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam Peraturan 255.

(4) Jika persetujuan bagi satu unit baru dalam Kumpulan itu ditolak, maka tindakan di bawah Peraturan 196 mungkin menjadi perlu.

195. Sebarang cawangan dalam satu Kumpulan boleh dibubarkan oleh tindakan bersama Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah, atau digantungkan sama ada oleh Majlis Pengakap Daerah atau Pesuruhjaya Daerah. Walau macam mana pun peraturan yang hendak diikuti ialah sebagaimana ditentukan bagi Kumpulan-Kumpulan dalam Peraturan-Peraturan 188-192, dan laporan tiada dibuat kepada Ibu Pejabat Persekutuan melainkan jika perkara itu terjatuh di bawah Peraturan 196.

Pendaftaran - Laporan Kepada Ibu Pejabat Persekutuan

196. Satu laporan yang penuh mesti dibuat kepada Ibu Pejabat Persekutuan melalui Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri apabila tindakan diambil oleh Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah mengenai perkara yang bertentangan atas perangai atau kesesuaian seseorang berhubung dengan perkara-perkara yang berikut:-

- (1) Enggan memperakukan pendaftaran satu Kumpulan, atau persetujuan menambah Unit baru kepada Kumpulan yang telah didaftarkan.
- (2) Perakuan untuk membatalkan satu Kumpulan, atau ketetapan untuk membubarkan satu Unit dalam Kumpulan itu.

Keahlian

197. (1) Penerimaan ahli Pengakap terpulanglah kepada Pemimpin Kumpulan, tetapi dalam keadaan biasa, dan tertakluk kepada Peraturan 264, biasanya diserahkan kepada Pemimpin yang menjaga sebarang Unit yang berkenaan, bagi seorang Pengakap atau Pengakap Kelana akan bertindak setelah berunding dengan Ketua-Ketua Patrol atau ahli-ahli Pasukan Kelana itu masing-masing.

(2) Persetujuan Pemimpin Kumpulan adalah perlu dalam sebarang pemecatan seorang Pengakap.

(3) Dalam sebarang pemecatan Pengakap itu berhak merayu kepada Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah siapa dalam masa menguruskannya akan mengambil perhatian mengikut Peraturan 180(3) dan mengikut Peraturan yang ditentukan dalam Bahagian III berkenaan dengan pembatalan tauliah seorang Pemimpin dalam Kumpulan.

198. Seorang Pengakap hanya boleh menjadi ahli dalam satu Kumpulan, tetapi boleh untuk sementara ditempatkan pada kumpulan yang lain, jika layak.

Pertukaran

199. (1) Kanak-Kanak tidak boleh diterima menjadi seorang ahli dalam satu Kumpulan dalam tempoh dua bulan dia meninggalkan Kumpulan yang lain atau lain pertubuhan kanak-kanak yang diakui dengan tidak mendapat kebenaran yang bertulis atas pertukaran itu daripada Pemimpin Kumpulan-Kumpulannya (Borang T1), atau oleh pihak yang berkuasa pertubuhan yang lain itu.

(2) Jika berlaku perbalahan berhubung dengan pertukaran itu, perkara itu mestilah dirujuk kepada Pesuruhjaya Daerah untuk mendapat ketetapan.

Pengakap Berseorangan

200. (Dimansuhkan)

Majlis Kumpulan

201. (1) Di mana Kumpulan itu mengandungi dua atau lebih unit, Pemimpin unit itu hendaklah selalu berjumpa bagi membincangkan perkara-perkara yang mengenai Kumpulannya. Perjumpaan seperti itu dipanggil “Majlis Kumpulan”.

(2) Pemimpin Kumpulan adalah menjadi Pengerusi Majlis Kumpulan itu.

Jawatankuasa Kumpulan

202. (1) Di mana sebarang wang ada diterima sebagaimana disebutkan dalam Peraturan 208, atau Kumpulan itu ada sebarang harta atau alatan kepunyaannya sendiri, sebuah Jawatankuasa Kumpulan yang kecil mengandungi ibubapa-ibubapa Pengakap, wakil-wakil daripada Persaudaraan B.P. (B.P. Guild), dan lain-lain orang yang ada minat dalam Kumpulan itu, hendaklah ditubuhkan supaya bertanggungjawab atas harta Kumpulan itu dan menolong Pemimpin Kumpulan dalam hal kewangan, kempen dan mendapatkan tempat, tapak perkhemahan dan menentukan tugas ahli-ahli Kumpulan itu.

(2) Pemimpin Kumpulan adalah menjadi ahli dalam Jawatankuasa Kumpulan itu.

(3) Jawatankuasa Kumpulan itu tidak terlibat di mana-manapun berkenaan dengan latihan Pengakap atau dalam pengurusan Persaudaraan B.P.

(4) Jika berlaku perselisihan faham di antara Jawatankuasa Kumpulan dan Majlis Kumpulan berhubung dengan perbelanjaan wang, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah.

203. Ahli Jawatankuasa Kumpulan itu adalah dilantik atau diberhentikan oleh Pemimpin Kumpulan, tertakluk kepada persetujuan Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah dan jika berkenaan dengan Kumpulan-Kumpulan yang dianjurkan, setelah berunding dengan Kuasa Penganjur.

Aset Kumpulan

204. Adalah sangat mustahak bahawa di mana Kumpulan itu ada mempunyai aset yang berharga, maka harta itu hendaklah dikuasa milik mengikut Peraturan 26.

205. Berkenaan dengan Kumpulan yang dianjurkan maka adalah perlu ditentukan terlebih dulu sebagaimana daripada aset itu, jika ada, dipunyai oleh Kumpulan itu sendiri dan tidak kepunyaan Kuasa Penganjur, dan ketetapan ini hendaklah direkodkan dalam satu surat perjanjian di antara Pemimpin Kumpulan dan Kuasa Penganjur. Aset itu, jika kepunyaan Kumpulan dan berharga hendaklah dikuasamilik mengikut dalam Peraturan 26.

206. Satu jadual aset Kumpulan itu mestilah dihantar pada tiap-tiap tahun kepada Majlis Pengakap Daerah.

Kewangan Kumpulan

207. Pemimpin Kumpulan mestilah menentukan bahawa cara mengutip wang bagi Kumpulan itu hendaklah mengikut bagaimana Peraturan 28.

208. Semua wang, melainkan telah ditentukan dalam Peraturan 209, yang diterima oleh atau bagi pihak Kumpulan atau sebarang unit daripada Kumpulan, mestilah ditadbirkan oleh Jawatankuasa Kumpulan bertindak dan berunding, dengan Majlis Kumpulan dan mesti disimpan di bank, atau yang serupa, atas nama Kumpulan dan dikendalikan oleh dua orang ahli Jawatankuasa Kumpulan itu.

209. Yuran yang dibayar oleh ahli Pengakap secara sendirian hendaklah ditadbirkan oleh unit yang berkenaan, demikian juga sebarang wang yang diperuntukkan kepada unit itu kerana perbelanjaan biasanya oleh Jawatankuasa Kumpulan bersamaan dengan Majlis Kumpulan. Kira-kira kewangan unit itu, jika disimpan bersaingan, hendaklah dimasukkan dalam kira-kira tahunan Kumpulan itu.

210. Pemimpin Kumpulan hendaklah menentukan bahawa kira-kira semua wang ada dibuat, dan sebarang ahli Kumpulan yang berkenaan ada hak boleh memeriksanya.

211. Penyata Kira-kira tahunan Kumpulan itu hendaklah dikemukakan kepada Majlis Pengakap Daerah setelah diaudit.

Kumpulan-Kumpulan Sekolah

212. Satu Kumpulan Sekolah ialah Kumpulan yang didaftarkan sebagai dianjurkan oleh Pengetua atau Guru Besar sesebuah sekolah dan mengandungi kesemuanya daripada kanak-kanak yang ada atau lepasan sekolah itu. Adalah mustahak bahawa keahlian Kumpulan itu hendaklah sebenarnya sukarela.

212.A Pengakap Lebah

PEMIMPIN PENGAKAP KANAK-KANAK DAN PENOLONG PEMIMPIN PENGAKAP KANAK-KANAK

Pelantikan Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak dan Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak

213. (1) Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak dan Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak adalah dilantik atas perakuan Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah dengan tauliah-tauliah dikeluarkan mengikut Peraturan dalam Bahagian III.

(2) (Disimpan)

Kelayakan

214. Kelayakan yang dikehendaki sebagai Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak dan Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak ialah sebagaimana disebutkan dalam Peraturan-Peraturan 69 dan 69(b).

Tugas-Tugas

215. (1) Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak mentadbir Pasukannya dibantu oleh sebarang Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak dan tertakluk kepada pengawasan Pemimpin Kumpulan bagaimana dalam Peraturan 173.

(2) Dalam menentukan perkara-perkara berkenaan dengan urusan Pasukan, maka adalah perlu bagi Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak itu atas mana yang boleh sentiasa berunding dengan Majlis Ketua Enam Sekawan sebagaimana dalam Peraturan 224.

Keperluan Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak

216. Untuk menentukan supaya pekerjaan itu terus-menerus maka adalah perlu setiap Pasukan itu mempunyai seorang Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak dan di mana Pasukan itu mengandungi lebih daripada tiga Enam Sekawan, Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak hendaklah tambahan.

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

217. Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak dan Penolong Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

PASUKAN (PEK)

Bilangan Dalam Pasukan

218. Melainkan dalam keadaan yang luarbiasa satu Pasukan tidak boleh mengandungi lebih daripada 36 orang Pengakap Kanak-Kanak.

Latihan

219. Latihan bagi Pengakap Kanak-Kanak itu hendaklah dengan seberapa boleh berlainan daripada Unit-unit Pengakap lain.

220. (Disimpan)

Enam Sekawan

221. Pasukan itu dibahagikan kepada Enam Sekawan, tiap-tiap satunya mengandungi enam orang Pengakap Kanak-Kanak, termasuk Ketua dan Penolongnya.

Ketua Dan Ketua Kanan Enam Sekawan

222. (1) Ketua Enam Sekawan ialah seorang Pengakap Kanak-Kanak dilantik oleh Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak mengetuai Enam Sekawan itu.

(2) Seorang daripada Ketua-Ketua Enam Sekawan itu boleh dipanggil “Ketua Kanan Enam Sekawan”.

(3) Ketua-Ketua Enam Sekawan dan Ketua Kanan Enam Sekawan memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII, dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

Penolong Ketua Enam Sekawan

223. (1) Seorang Penolong ialah seorang Pengakap Kanak-Kanak yang dilantik oleh Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak setelah berunding dengan Ketua Enam Sekawan yang berkenaan, untuk menolong Ketua Enam Sekawan itu dan mengambil tempatnya apabila dia tiada.

(2) PenolongKetua Enam Sekawan memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

Majlis Ketua Enam Sekawan

224. (1) Majlis Ketua Enam Sekawan ialah satu badan yang tidak rasmi mengandungi Pemimpin-Pemimpin Pasukan, Ketua-Ketua Enam Sekawan, dan jika dikehendaki, Penolong-Penolongnya.

(2) Tugas Majlis Ketua Enam Sekawan adalah bagaimana ditentukan dalam Peraturan 215(2).

Jurulatih Pengakap Kanak-Kanak

225. (1) Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak boleh dengan persetujuan Pemimpin Pengakap yang berkenaan, mendapatkan perkhidmatan seorang Pengakap Kelana atau Pengakap Remaja, atau dengan persetujuan Pesuruhjaya Daerah yang berkenaan menjadi seorang Jurulatih Pengakap Kanak-Kanak.

(2) (Disimpan)

PENGAKAP KANAK-KANAK

Pelantikan Pengakap Kanak-Kanak

226. Seorang budak menjadi Pengakap Kanak-Kanak dengan dilantik mengikut bagaimana dinyatakan dalam buku “Panduan Pengakap Kanak-Kanak”, dimana dia melafazkan Persetiaan dalam Peraturan 3. Dia berhak memakai pakaian seragam dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII.

Had Umur

227. Untuk menjadi seorang Pengakap Kanak-Kanak seorang kanak-kanak itu mestilah telah berumur 8 tahun, tetapi belum sampai umur 13 tahun. Dia tidak boleh menyambung sebagai Pengakap Kanak-Kanak apabila dia telah sampai umur tiga belas tahun.

Kelayakan-Kelayakan

228. Sebelum dilantik, dia mesti memuaskan hati Pemimpin Pengakap Kanak-Kanak bahawa dia tahu akan Undang-Undang Pengakap Kanak-Kanak dan Persetiaan, cara memberi hormat, Laung Agung dan makna-maknanya.

Latihan Peningkatan

229. (1) Selepas dilantik sebagai ahli, seorang Pengakap Kanak-Kanak itu terus berlatih untuk mendapat Lencana Keris Gangsa, Lencana Keris Perak, Lencana Keris Emas dan Rambu Pengakap Kanak-Kanak. Selepas mendapat Lencana Keris Gangsa seorang Pengakap Kanak-Kanak boleh mendapatkan satu Lencana Kepandaian.

(2) Selepas mendapat Lencana Keris Perak, dia boleh melayakkan diri untuk mendapat lencana-lencana kepandaian khas sebagaimana yang ditentukan.

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

230. Seorang Pengakap Kanak-Kanak memakai pakaian seragam bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

PEMIMPIN PENGAKAP MUDA DAN PENOLONG PEMIMPIN PENGAKAP MUDA

Pemimpin Pengakap Muda Dan Penolong Pemimpin Pengakap Muda - Pelantikan

231. Pemimpin Pengakap Muda dan Penolong Pemimpin Pengakap Muda adalah dilantik atas perakuan Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah dengan tauliah-auliah dikeluarkan mengikut bagaimana dalam Bahagian III.

Wanita-Wanita

232. (Disimpan)

Kelayakan

233. Kelayakan yang dikehendaki sebagai Pemimpin Pengakap Muda dan Penolong Pemimpin Pengakap Muda ialah bagaimana yang disebutkan dalam Peraturan-Peraturan 69 dan 69(c).

Tugas

234. (1) Pemimpin Pengakap Muda menjaga Pasukannya dibantu oleh sebarang Penolong Pemimpin Pengakap Muda dan tertakluk kepada pengawasan Pemimpin Kumpulan bagaimana dalam Peraturan 173.

(2) Sungguhpun demikian, Pemimpin Pengakap Muda akan seberapa yang boleh memberikan tugas kepada Majlis Ketua-Ketua Patrol sebagaimana dalam Peraturan 242 berkenaan dengan sebarang perkara mengenai tatatertib, dan pentadbiran termasuk perbelanjaan wang Pasukan bagaimana ditentukan dalam Peraturan 209.

(3) Pemimpin Pengakap Muda adalah bertanggungjawab memberi latihan kepada Ketua-Ketua Patrol Pasukan itu dalam tugas-tugasnya dinyatakan dalam Peraturan 241.

Keperluan Penolong Pemimpin Pengakap Muda

235. Untuk menentukan supaya pekerjaan itu berterusan maka adalah perlu bahawa tiap-tiap Pasukan itu hendaklah mempunyai seorang Penolong Pemimpin Pengakap Muda. Sekiranya Pasukan itu mengandungi lebih daripada empat Patrol, Penolong Pemimpin Pengakap Muda tambahan hendaklah dilantik.

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

236. Pemimpin-Pemimpin Pengakap Muda dan Penolong-Penolong Pemimpin Pengakap Muda memakai pakaian seragam bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan-Peraturan di Bahagian yang sama.

PASUKAN (TROOP)

Saiz Pasukan

237. Satu Pasukan itu hendaklah mengandungi tidak lebih daripada enam Patrol.

Ketua Pasukan

238. (1) Seorang Ketua Pasukan hendaklah dilantik oleh Pemimpin Pengakap Muda setelah berunding dengan Majlis Ketua-Ketua Patrol.

(2) Kelayakan untuk mejadi Ketua Pasukan adalah seperti:-

Kebolehan mengetuai.

Umur tidak kurang daripada 15 tahun.

Telah berkhidmat sebagai Ketua Patrol tidak kurang daripada enam bulan.

Ada Lencana Maju.

Ada pengetahuan am berkenaan dengan ilmu kepengakapan.

(3) Ketua Pasukan memakai pakaian seragam bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

Majlis Ketua-Ketua Patrol

239. (1) Majlis Ketua-Ketua Patrol adalah satu badan mengandungi Ketua Pasukan, dan Ketua-Ketua Patrol. Penolong-Penolong Ketua Patrol boleh menjadi ahli, kecuali dalam perkara-perkara mengenai disiplin. Bagi masalah disiplin satu Lembaga Disiplin hendaklah ditubuhkan (court of honuor). Pemimpin-Pemimpin Pasukan itu, jika hadir, hanya sebagai penasihat sahaja.

(2) Majlis Ketua-Ketua Patrol itu adalah bertanggungjawab menjaga maruah Pasukan itu, mengatur acara kegiatan-kegiatan Pasukan, dan mentadbir Pasukan itu, termasuk perbelanjaan wang Pasukan itu, mengikut sebagaimana Peraturan 234(2). Majlis Ketua Patrol adalah juga saluran untuk memberi latihan kepada Ketua-Ketua Patrol.

PATROL

Patrol

240. (1) Pasukan hendaklah mengandungi Patrol-Patrol, setiap satunya ada 6 hingga 8 orang Pengakap termasuk Ketua Patrol dan Penolongnya.

(2) Patrol itu adalah satu unit bagi segala aktiviti.

241. (1) Ketua Patrol adalah seorang Pengakap yang dilantik oleh Pemimpin Pengakap setelah berunding dengan Majlis Ketua-Ketua Patrol atau Patrol yang berkenaan, untuk menjaga satu Patrol Pengakap.

(2) Ketua Patrol melatih Patrolnya melalui aktiviti dalam perjumpaan Pasukan dan Patrol, dan dalam perkhemahan.

(3) Ketua Patrol merancang akan semua aktiviti untuk perjumpaan Patrol dan perkhemahan dengan bantuan Penolong-Penolongnya dan tertakluk kepada nasihat Pemimpin Pengakap dan Majlis Ketua-Ketua Patrol.

(4) Ketua-Ketua Patrol memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

242. (1) Penolong Ketua Patrol adalah seorang Pengakap Muda yang dipilih oleh Ketua Patrol dengan persetujuan Pemimpin Pengakap dan Majlis Ketua-Ketua Patrol, untuk menolong dan mengambil tempatnya semasa ketiadaannya.

(2) Penolong Ketua Patrol memakai seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

242A. Patrol dalam Majlis (patrol in council) adalah satu Perjumpaan semua Pengakap dalam Patrolnya untuk membincangkan hal-ehwalnya dengan dipengerusikan oleh Ketua Patrol.

PENGAKAP

Pengakap Muda - Pelantikan

243. Seorang kanak-kanak menjadi Pengakap Muda dengan dilantik mengikut sebagaimana dinyatakan dalam buku “Panduan Bagi Pengakap Muda”, di mana dia melafazkan Persetiaan dalam Peraturan 3. Dia kemudiannya diperkenalkan sebagai ahli, dan boleh memakai pakaian seragam dan lencana-lencana bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII.

Had Umur

244. (1) Untuk menjadi seorang Pengakap Muda kanak-kanak itu mestilah telah berumur 12 tahun tetapi belum sampai umur 16 tahun.

(2) Seorang Pengakap Muda apabila sampai umur 15 tahun mesti menerima latihan sesuai dengan umurnya. Apabila dia sampai ke peringkat ini dalam kepengakapannya satu Istiadat Meningkatkan Naik hendaklah diadakan dan dia akan melafazkan semula Persetiaan Pengakap, dengan makna yang lebih besar sesuai dengan umur yang telah meningkat itu.

(3) Seorang Pengakap Muda hendaklah meninggalkan Pasukannya apabila sampai umurnya 16 tahun.

Kelayakan

245. Sebelum dilantik, dia hendaklah diberitahu akan riwayat hidup dan kejayaan-kejayaan Pengasas dan sedikit sejarah berkenaan dengan Pergerakan ini, dan dia mestilah dapat memuaskan hati Pemimpin Pengakap dalam ujian yang berikut:-

(1) Permulaan.

Tahu Undang-Undang Pengakap dan Pesetiaan Pengakap, dan makna-maknanya, mengikut umurnya.

Cara memberi hormat sebagaimana yang diterangkan dalam buku panduan Pengakap.

Mengetahui mengenai Bendera Malaysia dan Bendera Negerinya serta tahu cara memecahkannya.

(2) Kesihatan.

Mencuci luka dan membuat pembalut dan membalut luka itu.

(3) Memerhatikan.

Boleh membuat tanda-tanda ilmu hutan sebagaimana diberi dalam buku Panduan Pengakap.

(4) Merintis.

Tunjukkan bagaimana membuat ikatan-ikatan yang berikut dengan tali, buku sila, bunga keti, simpul manuk, tindih kasih, simpul belit, simpul pulih, dan terangkan kegunaan-kegunaannya serta tahu mematikan hujung tali.

Latihan Lanjutan

246. (1) Selepas dilantik sebagai ahli, dia melanjutkan latihannya untuk melayakkan diri sebagai seorang Pengakap berlencana Usaha, dan kemudian sebagai Pengakap berlencana Maju dan Jaya dengan lulus ujian-ujian yang tertentu sebagaimana dalam Peraturan yang disediakan berasingan.

(2) Selepas mendapat Lencana Usaha, dia boleh mengikut peraturan yang tertentu, melayakkan diri dengan mendapat lencana-lencana kepandaian khas sebagaimana yang ditentukan dalam Peraturan-Peraturan yang berasingan sehingga dia sampai kepada peringkat yang dinyatakan dalam Peraturan 244(2), selepas itu dia hanya boleh melayakkan diri dengan mendapat lencana-lencana kepandaian khas bagaimana ditentukan dalam Peraturan yang berasingan.

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

247. Seorang Pengakap memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

PEMIMPIN PENGAKAP (REMAJA) DAN PENOLONG PEMIMPIN PENGAKAP (REMAJA)

Pelantikan

247A. Pemimpin Pengakap (Remaja) dan Penolong Pemimpin Pengakap (Remaja) adalah dilantik atas perakuan Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah dengan tauliah-auliah dikeluarkan mengikut bagaimana dalam Bahagian III.

Wanita-Wanita

247B. (Disimpan)

Kelayakan

247C. Kelayakan-kelayakan khas yang dikehendaki sebagai Pemimpin Pengakap (Remaja) dan Penolong Pemimpin Pengakap (Remaja) adalah sebagaimana disebutkan dalam Peraturan-Peraturan 69 dan 69(d).

Tugas

247D. (1) Pemimpin Pengakap (Remaja) menjaga Pasukan Remaja, dibantu oleh Penolong-Penolong Pemimpin Pengakap (Remaja), tertakluk kepada pengawasan am oleh Pemimpin Kumpulan sebagaimana dalam Peraturan 173.

(2) Sungguhpun demikian, Pemimpin Pengakap (Remaja) akan boleh memberikan tugas kepada Majlis Ketua-Ketua Patrol sebagaimana dalam Peraturan 247L, semua perkara disiplin dan pentadbiran dalaman, termasuk perbelanjaan wang Pasukan Remaja adalah mengikut Peraturan 209; dan dalam menguruskan hal ehwal Pasukan Remajanya, tenaga Majlis Ketua-Ketua Patrol hendaklah digunakan dengan sepenuhnya.

Keperluan Adanya Penolong Pemimpin Pengakap (Remaja)

247E. Bagi menentukan pengurusan Pasukan Remaja berjalan dengan sempurna Penolong Pemimpin Pengakap (Remaja) hendaklah dilantik dan ditambah mengikut keperluan.

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

247F. Pemimpin Pengakap (Remaja) dan Penolong Pemimpin Pengakap (Remaja) memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan-Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan-Peraturan di Bahagian yang sama.

PASUKAN REMAJA

Syarat-Syarat Penubuhannya

247G. Pasukan Remaja boleh mengandungi satu atau lebih Patrol Pengakap Remaja, tetapi Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah tidak boleh membenarkan pertambahan Pasukan Remaja lebih daripada satu Patrol, melainkan mereka telah berpuas hati bahawa ada seorang Pemimpin yang sesuai serta tidak memegang tauliah yang lain dalam Kumpulan itu, kecuali jika perlu sebagai Pemimpin Kumpulan.

Ketua Pasukan (Remaja)

247H. (1) Seorang Ketua Kumpulan Pasukan (Remaja) boleh, dilantik oleh Pemimpin Pengakap (Remaja) setelah berunding dengan Majlis Ketua-Ketua Patrol untuk menjadi Penolong Pemimpin Pengakap Remaja.

(2) Kelayakan-kelayakan seperti berikut adalah dikehendaki:-

Kebolehan mengetuai.

Telah berkhidmat sebagai Ketua Patrol (K) sekurang-kurangnya enam bulan.

Ada lencana Pengakap Raja.

Ada pengetahuan am berkenaan dengan berpengakap.

(3) Ketua Pasukan (Remaja) memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

Patrol

247I. (1) Pasukan Remaja itu adalah dibahagikan kepada Patrol-Patrol Pengakap Remaja mengandungi tidak kurang daripada 4 orang dan tidak lebih daripada 8 orang Pengakap Remaja termasuk Ketua Patrol (Remaja) dan Penolongnya.

(2) Patrol itu adalah unit bagi segala kegiatan.

Ketua Patrol (Remaja)

247J. (1) Seorang Ketua Patrol itu adalah seorang Pengakap Remaja yang dilantik oleh Pemimpin Pengakap (Remaja) setelah berunding bersama dengan Majlis Ketua-Ketua Patrol atau Patrol yang berkenaan, untuk menjaga satu Patrol Pengakap Remaja.

(2) Ketua Patrol (Remaja) itu boleh membawa Bendera Patrol.

(3) Ketua-Ketua Patrol (Remaja) memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

Penolong Ketua Patrol (Remaja)

247K. (1) Seorang Penolong Ketua Patrol (Remaja) itu adalah seorang Pengakap Remaja yang dipilih oleh Ketua Patrol (Remaja) dengan persetujuan Pemimpin Pengakap (Remaja) dan Majlis Ketua-Ketua Patrol untuk membantunya dan mengambil tempatnya apabila dia tiada.

(2) Penolong Ketua Patrol (Remaja) memakai pakaian seragam bagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana bagaimana dalam Bahagian yang sama.

Majlis Ketua-Ketua Patrol

247L. (1) Majlis Ketua-Ketua Patrol adalah satu badan mengandungi Ketua Pasukan (Remaja), dan Ketua-Ketua Patrol. Jikalau Patrol-Patrol itu kurang daripada 3, Penolong-Penolongnya juga akan menjadi ahli-ahli Majlis Ketua-Ketua Patrol. Sekiranya hanya ada satu Patrol, ahli Patrol dalam Majlis akan menjadi ahli Majlis Ketua-Ketua Patrol. Sementara Pemimpin-Pemimpin Pasukan Remaja, jika hadir, hanya sebagai penasihat sahaja.

(2) Majlis Ketua-Ketua Patrol mengendalikan perkara-perkara dalaman termasuk perbelanjaan wang Pasukan Remaja mengikut dalam Peraturan 247D(2).

PENGAKAP REMAJA

Pelantikan

247M. Seorang kanak-kanak menjadi Pengakap Remaja dengan dilantik, di mana dia akan melafazkan semula Persetiaan Pengakap dalam Peraturan 3. Dia kemudiannya berhak memakai Pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

Umur

247N. (1) Untuk menjadi seorang Pengakap Remaja, seorang kanak-kanak itu mestilah berumur 15 tahun tetapi belum sampai umur 18 tahun.

(2) Seorang Pengakap Remaja hendaklah meninggalkan Pasukan Remajanya apabila dia berumur 18 tahun.

Kelayakan

247O. Sebelum dilantik menjadi Pengakap Remaja dia hendaklah menyelesaikan ujian awal yang berikut melainkan telah ada Lencana Maju:-

- (1) Lulus semua Ujian Lencana Keahlian dan melafazkan Persetiaan Pengakap.
- (2) Mengetahui sejarah pergerakan dan kehidupan B.P..
- (3) Mengetuai satu Patrol dalam enam sekawan yang diberi dan boleh memberi penerangan mengenai tugas, kesihatan diri, kebersihan dan bahaya semasa menjalankan aktiviti.
- (4) Telah mengikuti aktiviti perkhemahan tidak kurang dari 3 malam bersama-sama dengan Kumpulan Pengakap Remaja mengikut tatacara kepengakapan.
- (5) Melalui aktiviti pengembaraan atau bersampan bersama seorang Pengakap Remaja tidak kurang dalam jarak sejauh 10 kilometer. Tidak perlu untuk bermalam, tetapi memadai membawa dan memasang peralatan perkhemahan serta memasak semasa berehat. Pengakap Remaja yang menjadi rakannya itu hendaklah melaporkan tentang kecekapannya setelah dia sendiri membuat laporan lisan kepada Pasukan atau Patrolnya.

Latihan Lanjutan

247P. Selepas dilantik sebagai Pengakap Remaja dia menjalankan latihan untuk melayakkan diri sebagai Pengakap Raja:-

- (1) Pengakap Lencana Jaya.
- (2) Melalui Ujian Sikap dan Lencana Kemajuan dan Lencana Kepandaian
- (3) Pengakap Raja.

Perjumpaan-Perjumpaan Bersama

- 247Q. (1) (Disimpan)
- (2) (Disimpan)

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

247R. Seorang Pengakap Remaja memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian yang sama.

PEMIMPIN PENGAKAP KELANA DAN PENOLONG PEMIMPIN PENGAKAP KELANA

Pelantikan

248. Pemimpin Pengakap Kelana dan Penolong Pemimpin Pengakap Kelana adalah dilantik atas perakuan Majlis Pengakap Daerah dan Pesuruhjaya Daerah dengan tauliah-auliah dikeluarkan mengikut bagaimana dalam Bahagian III.

Wanita-Wanita

249. (Disimpan)

Kelayakan

250. Kelayakan-Kelayakan khas yang dikehendaki sebagai Pemimpin Pengakap Kelana dan Penolong Pemimpin Pengakap Kelana adalah sebagaimana disebutkan dalam Peraturan-Peraturan 69 dan 69(e).

Tugas

251. (1) Pemimpin Pengakap Kelana menjaga Pasukannya dibantu oleh Penolong Pemimpin Pengakap Kelana dan tertakluk kepada pengawasan am oleh Pemimpin Kumpulan sebagaimana dalam Peraturan 173.

(2) Pemimpin Pengakap Kelana boleh memberikan tugas kepada Pasukannya berkaitan perkara-perkara seperti disiplin, pentadbirandan perbelanjaan wang Pasukannya sebagaimana diterangkan dalam Peraturan 209.

Pemakaian Gelaran

252. (Disimpan)

Pakaian Seragam dan Lencana-Lencana

253. Pemimpin Pengakap Kelana dan Penolong Pemimpin Pengakap Kelana memakai pakaian seragam sebagaimana dalam Peraturan di Bahagian VII dan lencana-lencana sebagaimana dalam Peraturan-Peraturan di Bahagian yang sama.

253A Semua Peraturan mengenai Pasukan Pengakap Kelana hendaklah merujuk kepada Buku Panduan dan Skim Latihan Pengakap Kelana yang diterbitkan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia.

PASUKAN (CREW)

Pasukan - Tujuan-Tujuan

254. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Syarat-Syarat Penubuhan

255. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Perjumpaan-Perjumpaan Bersama

256. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

Peringkat-Peringkat

257. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Kegiatan-Kegiatan

258. (Disimpan)

259. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

260. (Disimpan)

Majlis Pasukan dan Pentadbiran Dalam

261. (1) (Disimpan)
- (2) (Disimpan)
- (3) (Disimpan)
- (4) (Disimpan)
- (5) (Disimpan)

Pemimpin-Pemimpin Sebagai Ahli

262. (Disimpan)

Berhenti Daripada Menjadi Ahli

263. (Disimpan)
- (1) (Disimpan)
- (2) (Disimpan)

BAKAL KELANA (ROVER SQUIRE)**Bakal Kelana Syarat-Syarat Keahlian**

264. (Disimpan)
- (1) (Disimpan)
- (2) (Disimpan)
- (3) (Disimpan)
- (4) (Disimpan)

265. (Disimpan)

Latihan Sebagai Bakal Kelana

266. (Disimpan)
- (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

(5) (Disimpan)

(6) (Disimpan)

(7) (Disimpan)

(8) (Disimpan)

(9) (Disimpan)

(10) (Disimpan)

(11) (Disimpan)

Pakaian Seragam Dan Lencana-Lencana

267. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

PENGAKAP KELANA

Pengakap Kelana - Pelantikan

268. (Disimpan)

268A. (Disimpan)

269. (Disimpan)

270. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

Latihan Praktik

271. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

271A. (Disimpan)

PASUKAN PENGAKAP KELANA KANAN**Peringkat Berkhidmat**

272. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

273. (Disimpan)

Pemimpin Pengakap Kelana Kanan

274. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

274A. (Disimpan)

274B. (Disimpan)

Pengakap Kelana Kanan

274C. (Disimpan)

274D. (Disimpan)

274E. (Disimpan)

BAHAGIAN VII

PAKAIAN SERAGAM DAN LENCANA PANGKAT PAKAIAN SERAGAM

Pakaian Seragam

275. (1) Pakaian Seragam yang betul dan lengkap hendaklah dipakai oleh ahli-ahli dalam semua unit Pengakap termasuk Penaung Utama, Penaung-Penaung dan Pemimpin sebagaimana yang dinyatakan mengikut peraturan-peraturan dalam Bahagian ini.

(2) Unit Pengakap adalah seperti berikut:-

- (a) Pengakap Kanak-Kanak.
- (b) Pengakap Muda.
- (c) Pengakap Remaja (termasuk Laut dan Udara).
- (d) Pengakap Kelana (termasuk Laut dan Udara).
- (e) (Disimpan)
- (f) (Disimpan)
- (g) (Disimpan)
- (h) Pengakap Lebah
- (i) Pengakap Orang Kurang Upaya (OKU)

(3) Kumpulan Pemimpin adalah seperti berikut:-

- (a) Kumpulan Penaung
- (b) Kumpulan Presiden
- (c) Ketua Pengakap Negara
- (d) Kumpulan Ahli Majlis
- (e) Kumpulan Pesuruhjaya
- (f) Kumpulan Kakitangan Ibu Pejabat

Rupa bentuk dan Corak

276. (a) Pakaian seragam ahli-ahli Pertubuhan hendaklah mengikut sebagaimana yang telah ditetapkan dalam buku Panduan Pemakaian Pakaian Seragam Pengakap.

(b) Buku Panduan Pemakaian Pakaian Seragam Pengakap boleh dipinda dari semasa ke semasa dengan persetujuan Majlis Eksekutif Pengakap Negara.

Warna

277. (Disimpan)

ISTIADAT-ISTIADAT RASMI DAN LAIN-LAIN

278. (Disimpan)

Perkhemahan, Kursus Dan Lain-Lain

279. (Disimpan)

Pakaian Seragam Bagi Pemimpin Dan Pesuruhjaya

280. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

Pakaian Seragam Bagi Pesuruhjaya Kehormat, Penaung Dan Penaung Utama

281. (Disimpan)

Pakaian Di Kepala

282. (1) (Disimpan)

(a) (Disimpan)

(b) (Disimpan)

(c) (Disimpan)

(d) (Disimpan)

(e) (Disimpan)

(f) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(a) (Disimpan)

(b) (Disimpan)

(c) (Disimpan)

(i) (Disimpan)

(ii) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

(a) (Disimpan)

(b) (Disimpan)

(c) (Disimpan)

(i) (Disimpan)

(ii) (Disimpan)

(5) (Disimpan)

(6) (Disimpan)

(7) (Disimpan)

(8) (Disimpan)

Tanda-Tanda Peringkat Kebangsaan, Negeri Dan Daerah

283. (Disimpan)

(a) (Disimpan)

(b) (Disimpan)

(c) (Disimpan)

Tanda-Tanda Pangkat Pada Songkok Melayu

284. (Disimpan)

(a) (Disimpan)

(b) (Disimpan)

(c) (Disimpan)

(d) (Disimpan)

(e) (Disimpan)

- (f) (Disimpan)
 - (i) (Disimpan)
 - (ii) (Disimpan)
 - (iii) (Disimpan)
 - (iv) (Disimpan)
 - (v) (Disimpan)
 - (vi) (Disimpan)

Jalur dan 'Plume' Bagi Pesuruhjaya Kehormat

285. (Disimpan)

Sekap, Tali Leher dan Ribbon

286. (1) (Disimpan)
- (2) (Disimpan)
 - (3) (Disimpan)

Kemeja, Baju Wanita dan Jaket

287. (Disimpan)
- (1) (Disimpan)
 - (2) (Disimpan)
 - (3) (Disimpan)
 - (4) (Disimpan)
 - (a) (Disimpan)
 - (b) (Disimpan)
 - (5) (Disimpan)
 - (a) (Disimpan)
 - (i) (Disimpan)

- (ii) (Disimpan)
- (b) (Disimpan)
 - (i) (Disimpan)
 - (ii) (Disimpan)
- (6) (Disimpan)
 - (a) (Disimpan)
 - (i) (Disimpan)
 - (ii) (Disimpan)
 - (b) (Disimpan)
 - (i) (Disimpan)
 - (ii) (Disimpan)
- (7) (Disimpan)
- (8) (Disimpan)

Seluar dan Kain Wanita

288. (Disimpan)
- (1) (Disimpan)
 - (2) (Disimpan)
 - (3) (Disimpan)
 - (4) (Disimpan)
 - (a) (Disimpan)
 - (b) (Disimpan)
 - (5) (Disimpan)
 - (a) (Disimpan)
 - (b) (Disimpan)

- (6) (Disimpan)
 - (a) (Disimpan)
 - (b) (Disimpan)
- (7) (Disimpan)
- (8) (Disimpan)

Tali Pinggang

- 289. (Disimpan)
 - (1) (Disimpan)
 - (2) (Disimpan)
 - (3) (Disimpan)
 - (4) (Disimpan)
 - (5) (Disimpan)
 - (6) (Disimpan)
 - (7) (Disimpan)
 - (8) (Disimpan)

Sarung Kaki

- 290. (Disimpan)
 - (1) (Disimpan)
 - (2) (Disimpan)
 - (3) (Disimpan)
 - (i) (Disimpan)
 - (ii) (Disimpan)

Kasut

291. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

LENCANA PANGKAT**Lencana-Lencana**

292. (Disimpan)

Bagaimana Mendapatkannya

293. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

(5) (Disimpan)

(6) (Disimpan)

Pemakaian Lencana-Lencana

294. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

(5) (Disimpan)

Lencana Pangkat Pemimpin

295. (1) (Disimpan)

(a) (Disimpan)

(b) (Disimpan)

(c) (Disimpan)

(d) (Disimpan)

(e) (Disimpan)

(f) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

Lencana Pangkat Pesuruhjaya Dan Pesuruhjaya Kehormat

296. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Pengakap Kanak-Kanak

297. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

Gelaran Enam Sekawan

298. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Pengakap

299. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

Gelaran Patrol

300. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Pengakap Putera

301. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

Gelaran Patrol

302. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

‘Strap’ Bahu

303. (Disimpan)

Pengakap Kelana

304. (Disimpan)

305. (Disimpan)

306. (Disimpan)

Gelaran

307. (Disimpan)

Lencana-Lencana Khas

308. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

309. - 357. (Disimpan)

BAHAGIAN VIII

BINTANG, PINGAT DAN SIJIL PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

Bintang, Pingat Dan Sijil Yang Diluluskan

358. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

(5) (Disimpan)

(6) (Disimpan)

(a) Anugerah Bintang, Pingat dan Sijil Ketua Pengakap Negara hendaklah diadakan pada setiap tahun mengikut buku Tatacara Penganugerahan.

(b) Buku Tatacara Penganugerahan, Bintang, Pingat dan Sijil Ketua Pengakap Negara boleh dipinda dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengakap Negara dengan merujuk kepada Majlis Eksekutif Pengakap Negara.

BINTANG KHIDMAT LAMA

Bintang Khidmat Lama – Rupa bentuk

359. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

360. (Disimpan)

Pengakap

361. (Disimpan)

Perkhidmatan Sebagai Pengakap Kanak-Kanak

362. (Disimpan)

Perkhidmatan Sebagai Pengakap Kanak-Kanak, Pengakap dan Pengakap Kanan

363. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Pemimpin dan Lain-Lain Orang

364. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

Hitungan

365. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

366. (Disimpan)

367. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

MANIKAYU**Manikayu - Syarat Memberinya**

368. (1) Manikayu diberikan kepada pemimpin dan orang yang berpangkat bukan eksekutif yang telah tamat dengan jayanya dalam Kursus-Kursus Kepimpinan Manikayu.

(2) Manikayu adalah hak kepunyaan Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia dan mesti diserahkan kembali apabila dituntut atau dibatalkan pemberiannya.

Rupa bentuk

369. (1) Manikayu mengandungi dua butir kayu yang diambil sebagai simbolik kepada rantai yang dimiliki oleh Ketua Puak Dinizulu yang telah ditawan oleh Pengasas Pergerakan Pengakap Sedunia dalam perang Zulu.

(2) Manikayu yang dipakai oleh Jurulatih Antarabangsa (*Leader Trainer*) adalah serupa tetapi ditambah dengan dua butir kayu lagi menjadikan jumlah Manikayu yang dipakai oleh Jurulatih Antarabangsa adalah empat butir.

(3) Manikayu yang dipakai oleh Penolong Jurulatih Kebangsaan (*Assistant Leader Trainer*) adalah serupa tetapi ditambah dengan sebutir kayu lagi menjadikan jumlah Manikayu yang dipakai oleh Penolong Jurulatih Kebangsaan adalah tiga butir.

Cara Memakai

370. Manikayu dipakai pada pakaian seragam dengan digantung pada leher menggunakan tali kulit.

LENCANA TERIMA KASIH

Lencana Terima Kasih – Rupa bentuk

371. (Disimpan)

Peluang Mendapatnya

372. (Disimpan)

373. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

Akibat

374. (Disimpan)

Cara Memakai

375. (Disimpan)

TANDA PERKHIMATAN LAMA

Tanda Perkhidmatan Lama

376. (Disimpan)

Cara Memakai

377. (Disimpan)

378. (Disimpan)

379. (Disimpan)

ANUGERAH KEBERANIAN

Anugerah Keberanian

380. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

Peringkat

381. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

(5) (Disimpan)

Cara Memakai

382. (Disimpan)

Tanda Kain

383. (Disimpan)

384. (Disimpan)

ANUGERAH PEKERTI BAIK**Anugerah Pekerti Baik - Permohonan Dan Pengeluaran**

385. (Disimpan)

386. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

Cara Memakai

387. (Disimpan)

Tanda Kain

388. (Disimpan)

389. (Disimpan)

ANUGERAH PERKHIDMATAN BAIK**Anugerah Perkhidmatan Baik - Permohonan Dan Pengeluaran**

390. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

Peringkat

391. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

Cara Memakai

392. (Disimpan)

(1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

PINGAT SEMANGAT PADI DAN SEMANGAT RIMBA

393. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

Cara Memakai

394. (1) (Disimpan)

(2) (Disimpan)

(3) (Disimpan)

(4) (Disimpan)

Semangat Rimba

(5) (Disimpan)

Tanda Kain

395. (Disimpan)

BAHAGIAN IX

Seksyen I

LATIHAN PEMIMPIN

Dasar Latihan

396. Latihan kepada pemimpin-pemimpin yang telah disediakan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia adalah bertujuan memberi latihan yang komprehensif di mana membolehkan mereka menjalankan latihan berpengakap untuk mencapai matlamat dan tujuan Persekutuan. Ini termasuklah memberi pengajaran dan pembelajaran bagi pembinaan insan yang merangkumi kognitif, jasmani, rohani dan sosial dengan satu sistem latihan yang progresif berasas kepada Persetiaan dan Undang-Undang Pengakap.

Matlamat

397. Matlamat latihan bagi pemimpin-pemimpin ialah untuk menolong mereka memberi latihan dan didikan yang lebih baik dan berkesan kepada Pengakap yang dipimpinnya.

397A Latihan bagi Pemimpin-Pemimpin Pengakap Persekutuan hendaklah mengikut Peraturan Khusus Pasukan Latihan Malaysia.

Skim Latihan

398. Skim Latihan bagi Pemimpin-Pemimpin adalah berpandukan buku-buku Skim Latihan Manikayu yang diterbitkan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia mengikut peringkat-peringkat seperti berikut:

- (a) Skim Latihan Kepimpinan Manikayu Pengakap Kanak-Kanak
- (b) Skim Latihan Kepimpinan Manikayu Pengakap Muda
- (c) Skim Latihan Kepimpinan Manikayu Pengakap Remaja
- (d) Skim Latihan Kepimpinan Manikayu Pengakap Kelana
- (e) Skim Latihan Kepimpinan Manikayu Pengakap Laut
- (f) Skim Latihan Kepimpinan Manikayu Pengakap Udara
- (g) Skim Latihan Kepimpinan Manikayu Pengakap Lebah
- (h) Skim Latihan Kepimpinan Manikayu Pengakap Berkeperluan Khas (PPKI)
- (i) Skim Latihan Kepimpinan Kursus Penolong Jurulatih Penolong Kebangsaan (CALT)
- (j) Skim Latihan Kepimpinan Kursus Penolong Jurulatih Antarabangsa (CLT)
- (1) (Disimpan)
 - (a) (Disimpan)
 - (b) (Disimpan)

- (c) (Disimpan)
- (d) (Disimpan)
- (e) (Disimpan)
- (f) (Disimpan)
- (g) (Disimpan)
- (2) (Disimpan)
- (3) (Disimpan)
- (4) (Disimpan)
- (5) (Disimpan)

Bahan Rujukan

399. Peraturan-peraturan penuh mengenai kursus, latihan, prosedur operasi standard dan garis panduan pelaksanaan boleh diperolehi dalam buku-buku dan pekeliling-pekeliling terbitan Pasukan Latihan Negara dari semasa ke semasa.

Latihan Lanjutan

400. Latihan Lanjutan hendaklah digalakkan kepada semua Pemimpin. Mereka boleh mengikuti Latihan sama ada yang dianjurkan oleh Persekutuan atau badan-badan lain-lain di luar Persekutuan.

Pasukan-Pasukan Latihan

401. (a) Pasukan-Pasukan Latihan di peringkat Daerah, Negeri, dan Negara hendaklah ditubuhkan bagi menggalak dan mengendalikan latihan-latihan yang ditetapkan dalam peraturan ini. Ahli-ahlinya hendaklah terdiri daripada mereka yang berkelulusan, berpengalaman, dan berkemahiran berpengakap.

(b) Satu peraturan yang khas mengenai penubuhan, pentadbiran, dan perjalanan Pasukan Latihan hendaklah diadakan dengan mendapat persetujuan daripada Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.

(c) Undang-Undang Kecil Pasukan Latihan Malaysia mengikat Pasukan Latihan dengan ahlinya sehingga takat yang sama seolah-olah Undang-undang Kecil Pasukan Latihan Malaysia telah ditandatangani oleh tiap-tiap ahli dan mengandungi ikrar janji (waad) pada pihak tiap-tiap ahli bagi dirinya sendiri untuk mematuhi segala peruntukan dalam Undang-undang Kecil Pasukan Latihan Malaysia.

Seksyen II

SKIM LATIHAN BAGI PENGAKAP

Skim Latihan

402. (Disimpan)

Ujian-Ujian

403. (Disimpan)

BAHAGIAN X

AM

Aktiviti Kebudayaan Dan Kesenian

404. (1) Semua aktiviti kebudayaan dan kesenian seperti pancaragam, kompang, silat, gamelan dan sebagainya adalah digalakkan. Aktiviti ini hendaklah sentiasa diawasi supaya tidak menjadi gangguan.

(2) Ahli-ahli Pengakap yang menyertai aktiviti seperti Perkara 404(1) hendaklah memakai pakaian seragam unit masing-masing. Melainkan telah mendapat kebenaran Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia untuk memakai pakaian berlainan.

Pakaian

405. (Disimpan)

Aktiviti Air

406. (1) Semua ahli Pengakap boleh menyertai mana-mana aktiviti air dengan kebenaran bertulis Ibu Pejabat Persekutuan pada peringkat Negeri atau Bahagian atau Wilayah atau Daerah.

(2) Sebelum memberi kebenaran bertulis untuk aktiviti Perkara 406(1), pihak Ibu Pejabat Persekutuan atau Negeri atau Bahagian atau Wilayah atau Daerah hendaklah meneliti terlebih dahulu perkara-perkara di bawah:-

- (a) Keadaan laut sama ada pasang atau surut, bergelombang, berarus dan lain-lain.

- (b) Keadaan sampan, kayak, rakit atau sebarang peralatan yang hendak digunakan.
- (c) Ada mempunyai alat-alat penyelamat nyawa seperti jeket keselamatan, pelampung, tali dan ada Penyelamat-Penyelamat di pantai.
- (d) Umur, pengalaman dan kecekapan Pengakap itu atau penjaganya.
- (e) Peraturan-peraturan tempatan mengenai keadaan perairan dan alat-alat yang hendak digunakan.
- (f) Lain-lain perkara yang difikirkan perlu.

Berkhemah

407. (1) Semua ahli Pengakap boleh menyertai aktiviti perkhemahan dengan kebenaran bertulis daripada Ibu Pejabat Persekutuan atau Negeri atau Bahagian atau Wilayah atau Daerah.

(2) Pesuruhjaya Daerah tidak boleh membenarkan Pengakap Kanak-Kanak berkhemah bersama-sama Pengakap Muda, Remaja dan Kelana melainkan dalam keadaan luar biasa.

(3) Semua aktiviti perkhemahan hendaklah berpandukan buku Panduan Perkhemahan Pengakap.

Mengembara

408. (Disimpan)

Lawatan Ke Negara Asing

409. Pengakap yang hendak melawat atau melancong ke luar negara hendaklah terlebih dulu mendapat kebenaran daripada Ibu Pejabat Persekutuan dan segala permohonan hendaklah melalui Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri masing-masing.

Berlakon

410. Ahli-ahli Pengakap yang berpakaian seragam boleh berlakon di tempat-tempat awam setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Ibu Pejabat Persekutuan atau Negeri atau Bahagian atau Wilayah atau Daerah.